



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

e-ISSN 2735-0592



# SOROTAN PASARAN BURUH

---

# ST1

SUKU TAHUN  
PERTAMA  
2022

---



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

# SOROTAN PASARAN BURUH

## SUKU TAHUN PERTAMA 2022

### Pemakluman:

Jabatan Perangkaan Malaysia sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan 2022 bermula dari 15 April 2022 sehingga 30 September 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) untuk maklumat lanjut.

Penerbitan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan boleh diperolehi dari portal DOSM atau melalui pautan [https://bit.ly/PocketStatsS1\\_2022](https://bit.ly/PocketStatsS1_2022).

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "*Connecting the world with data we can trust*".

**Diterbitkan dan dicetak oleh:**

**Jabatan Perangkaan Malaysia**

Blok C6, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62514 Putrajaya,  
**MALAYSIA**

Tel.	: 03-8885 7000
Faks	: 03-8888 9248
Portal	: <a href="https://www.dosm.gov.my">https://www.dosm.gov.my</a>
Facebook / Twitter / Instagram	: StatsMalaysia
Emel	: <a href="mailto:info@dosm.gov.my">info@dosm.gov.my</a> (pertanyaan umum) : <a href="mailto:data@dosm.gov.my">data@dosm.gov.my</a> (pertanyaan & permintaan data)

Diterbitkan pada 20 Mei 2022

**Hakcipta terpelihara.**

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:  
"Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia."

**eISSN 2735 – 0592**

# KATA PENGANTAR

Sorotan Pasaran Buruh (LMR) merupakan penerbitan suku tahunan oleh Biro Statistik Buruh Malaysia (MBLS), Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Laporan ini bertujuan untuk membawa penghayatan statistik rasmi dalam kehidupan melalui ulasan dan perihalan trend semasa pasaran buruh. Justeru, statistik suku tahunan digabungkan dalam naratif supaya pengguna memperoleh gambaran yang komprehensif berkaitan pasaran buruh Malaysia.

Bahagian pertama LMR membentangkan kedudukan pasaran buruh Malaysia pada suku tahun pertama 2022 serta perkaitannya dengan prestasi ekonomi dan senario sosial negara dalam tempoh tersebut. Sorotan ini meliputi tiga dimesi utama berkaitan maklumat pasaran buruh negara yang merangkumi penawaran, permintaan dan produktiviti buruh. Satu segmen khusus yang memberi fokus kepada isu atau tema terpilih berkenaan dengan situasi pasaran buruh global dan nasional turut dimuatkan dalam laporan ini. Istimewanya dalam setiap edisi LMR suku tahunan, turut diketengahkan satu atau lebih artikel berkaitan isu-isu pasaran buruh melalui statistik, atau metodologi bagi memperkukuh statistik pasaran buruh. Jadual terperinci statistik siri masa suku tahunan yang berkaitan dengan tiga dimensi pasaran buruh turut disertakan.

Laporan ini akan menghuraikan perubahan tahun ke tahun selain perubahan jangka pendek dari suku sebelumnya bagi mengkaji kesan langsung daripada peristiwa terkini. Pengguna dinasihatkan untuk mentafsirkan perubahan suku tahunan dengan berhati-hati kerana statistik ini tidak dibuat pelarasan musim. LMR boleh digunakan oleh penggubal dasar, ahli akademik, ahli ekonomi, penyelidik dan pengguna lain dalam kajian berkaitan pasaran buruh.

DOSM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terhadap kerjasama dan sumbangan yang diberikan oleh semua pihak dalam menjayakan laporan ini. Pandangan dan cadangan ke arah penambahbaikan penerbitan ini pada masa hadapan amat dihargai. Diharapkan laporan ini dapat memenuhi keperluan terhadap statistik pasaran buruh yang semakin meningkat.

**DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN**  
Ketua Perangkawan Malaysia

Mei 2022

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**

# KANDUNGAN

KATA PENGANTAR	i
KANDUNGAN	iii
GLOSARI	iv
AKRONIM	vi
INFOGRAFIK	vii

<b>SOROTAN UTAMA</b>	<b>1</b>
----------------------	----------

<b>PENDAHULUAN</b>	<b>3</b>
--------------------	----------

Momentum pasaran buruh Malaysia meningkat selaras dengan pengembangan ekonomi pada suku pertama 2022

<b>PENAWARAN BURUH</b>	<b>6</b>
------------------------	----------

<b>PERMINTAAN BURUH</b>	<b>27</b>
-------------------------	-----------

<b>PRODUKTIVITI BURUH</b>	<b>36</b>
---------------------------	-----------

<b>MENUJU KE HADAPAN</b>	<b>42</b>
--------------------------	-----------

COVID-19: Asas dalam merubah pekerjaan masa hadapan

<b>KESIMPULAN</b>	<b>45</b>
-------------------	-----------

<b>RENCANA</b>	<b>47</b>
----------------	-----------

Penilaian awal hubungan antara upah benar dan produktiviti buruh

## JADUAL STATISTIK

Penawaran Buruh, Malaysia, ST1 2019 - ST1 2022	<b>A1-A8</b>
--	--------------

Permintaan Buruh, Malaysia, ST1 2019 - ST1 2022	<b>B1-B8</b>
---	--------------

Produktiviti Buruh, Malaysia, ST1 2019 - ST1 2022	<b>C1-C8</b>
---	--------------

## GLOSARI

---

- Aktiviti ekonomi** : Merujuk kepada klasifikasi industri mengikut Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2018 Versi 1.0 kepada lima sektor utama iaitu Pertanian, Perlombongan & Pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan. Manakala sektor Pembuatan dan Perkhidmatan dibahagikan kepada subsektor.
- Bekerja** : Penduduk yang bekerja sekurang-kurangnya sejam semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga (sebagai majikan, pekerja, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji). Mereka juga dianggap bekerja jika tidak bekerja semasa minggu rujukan disebabkan sakit, kecederaan, cuaca buruk, bercuti, pertelingkahan buruh dan sebab sebab sosial atau keagamaan tetapi mempunyai pekerjaan, ladang, perusahaan atau perusahaan keluarga lain untuk kembali bekerja dan tidak bekerja buat sementara waktu tetapi bergaji dan pasti akan dipanggil bekerja semula.
- Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran** : Merujuk kepada mereka yang mempunyai pendidikan tertiar dan bekerja dalam kategori separuh mahir dan berkemahiran rendah.
- Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran** : Merupakan kumpulan yang bekerja kurang daripada 30 jam semasa minggu rujukan disebabkan keadaan kerja yang tidak mencukupi dan berkeupayaan serta sanggup menerima tambahan bilangan jam bekerja.
- Jawatan** : Jumlah buruh yang diperlukan oleh pertubuhan untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan pada satu masa tertentu, merangkumi jawatan diisi dan kekosongan.
- Jawatan diisi** : Pekerja bergaji (sepenuh masa dan sambilan); tidak termasuk pemilik perseorangan dan rakan niaga, pekerja keluarga tanpa gaji dan pekerja yang bercuti tanpa gaji.
- Jumlah jam bekerja** : Agregat jam bekerja sebenar bagi tempoh satu suku tahunan ialah hasil darab pekerja dengan purata jam bekerja seminggu yang kemudiannya didarabkan dengan 13 minggu.
- Kadar pengangguran** : Perkadaran penduduk yang menganggur kepada jumlah penduduk di dalam tenaga buruh, dalam bentuk peratusan.
- Kategori kemahiran** : Untuk tujuan pelaporan, kategori pekerjaan di kelaskan kepada tiga tahap kemahiran mengikut Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2013 mengikut. Mahir - 1. Pengurus; 2. Profesional; 3. Juruteknik dan professional berseketu; Separuh mahir - 4. Pekerja sokongan pengkeranian; 5. Pekerja perkhidmatan dan penjualan; 6. Pekerja mahir pertanian, perhutanan, dan perikanan; 7. Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan; 8. Operator loji dan mesin serta pemasangan; Berkemahiran rendah - 9. Pekerjaan asas.
- Kadar penyertaan tenaga buruh** : Perkadaran penduduk dalam tenaga buruh kepada penduduk dalam umur bekerja, dalam bentuk peratusan.

## GLOSARI

---

Kekosongan	: Jawatan yang wujud dan tersedia untuk diisi tetapi belum diisi. Majikan secara aktif cuba mendapatkan calon melalui proses mengiklankan kekosongan, mengeluarkan notis dan berdaftar dengan agensi pekerjaan serta menjalankan temuduga untuk memilih calon bagi mengisi kekosongan.
Luar tenaga buruh	: Penduduk yang tidak dikelaskan sebagai bekerja atau menganggur termasuk suri rumah, pelajar (termasuk mereka yang akan melanjutkan pelajaran), pesara, tidak berkeupayaan dan mereka yang tidak berminat untuk mencari pekerjaan.
Menganggur	: Mereka yang tidak bekerja semasa minggu rujukan tetapi berminat untuk bekerja dan sedang mencari pekerjaan. Dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu penganggur aktif dan penganggur tidak aktif.
Nilai ditambah	: Perbezaan di antara output dan penggunaan perantaraan. Ia merupakan nilai ditambah barangan dan perkhidmatan dalam aktiviti ekonomi. Oleh itu, ia hampir menyamai dengan keuntungan perniagaan, gaji dan upah, susut nilai dan cukai tidak langsung; campur faedah yang dibayar dan tolak faedah yang diterima.
Nisbah guna tenaga kepada penduduk	: Perkadaran penduduk yang bekerja kepada jumlah penduduk dalam kumpulan umur bekerja, dalam bentuk peratusan.
Pencapaian pendidikan	: Merujuk kepada peringkat tertinggi seseorang itu telah menamatkan atau sedang mengikuti persekolahan di institusi pendidikan awam atau swasta yang menyediakan pendidikan rasmi.
Pewujudan jawatan	: Jawatan yang diwujudkan dalam sesebuah organisasi yang mana jawatan tersebut belum pernah tersedia sebelum ini, termasuk skim perkhidmatan yang baru digubal, jawatan yang diwujudkan untuk kenaikan pangkat pekerja sedia ada dan pertambahan bilangan jawatan daripada struktur sedia ada.
Produktiviti buruh	: Merujuk kepada kecekapan dan keberkesanan setiap pekerja untuk menjana nilai ditambah atau output keseluruhan. Ia dikira menggunakan nisbah nilai ditambah kepada jumlah jam bekerja atau pekerja mengikut sektor di Malaysia.
Taraf pekerjaan	: Merujuk kepada kedudukan atau taraf seseorang yang bekerja di dalam pertubuhan atau organisasi di mana beliau bekerja dan disesuaikan berasaskan International Classification of Status in Employment (ICSE-93).
Tenaga buruh	: Penduduk dalam kumpulan umur bekerja (dalam tahun mengikut ulang tahun kelahiran yang lepas), sama ada bekerja atau menganggur, dalam minggu rujukan.
Umur bekerja	: Penduduk yang berumur 15 hingga 64 tahun sama ada berada di dalam tenaga buruh atau di luar tenaga buruh.



## AKRONIM

---


DOSM	: Jabatan Perangkaan Malaysia
ILO	: International Labour Organisation
IMF	: International Monetary Fund
KDNK	: Keluaran Dalam Negeri Kasar
KPTB	: Kadar Penyertaan Tenaga Buruh
MASCO	: Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia
MSIC	: Piawaian Pengelasan Industri Malaysia
PKP	: Perintah Kawalan Pergerakan
PMKS	: Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana
PPN	: Pelan Pemulihan Negara
RM	: Ringgit Malaysia
ST	: Suku Tahun
STB	: Survei Tenaga Buruh
WHO	: World Health Organization

# SOROTAN PASARAN BURUH SUKU PERTAMA 2022


## Peningkatan momentum pasaran buruh Malaysia

Trend peningkatan permintaan buruh dan penduduk bekerja manakala pengangguran menurun kepada kadar paling rendah sejak pandemik


**Tenaga buruh** meningkat 1.5 peratus dari tahun sebelumnya  
KPTB naik 0.4 mata peratus berbanding ST1 2021



**Luar tenaga buruh** mulai menurun sejak ST4 2021




**Jumlah jam bekerja** melonjak 4.6 peratus dari ST1 2021




**Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa** menurun berikutan pengoperasian lebih banyak aktiviti perniagaan pada waktu normal


**Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran** turut berkurang kepada 36.9 peratus




**Penduduk bekerja** terus mencatatkan peningkatan tahun ke tahun sebanyak 2.2 peratus




**Kadar pengangguran** jatuh kepada 4.1 peratus manakala penganggur berkurang kepada angka terendah sejak pandemik




**Jawatan dalam sektor ekonomi** merekodkan peningkatan 1.8 peratus berbanding ST1 2021




**Kekosongan** meningkat sebanyak 3.6 peratus berbanding ST1 2021




**Bilangan Pewujudan jawatan** lebih tinggi pada ST1 2022



**Produktiviti buruh per jam bekerja**  
Nilai ditambah per jam bekerja mencatatkan peningkatan marginal 0.3 peratus



**Produktiviti buruh per pekerja**  
Nilai ditambah per pekerja mengukuh 2.7 peratus



Sumber: Sorotan Pasaran Buruh Suku Pertama 2022, Jabatan Perangkaan Malaysia

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**

## SOROTAN UTAMA: ST1 2022

- Kelonggaran berterusan sekatan menangani pandemik sepanjang suku pertama 2022 telah menggalakkan lebih banyak aktiviti ekonomi, yang mana telah mendorong peningkatan dalam permintaan buruh dan seterusnya pertambahan bilangan penduduk bekerja serta mengurangkan pengangguran.
- Pada ST1 2022, bilangan tenaga buruh meningkat 1.5 peratus tahun ke tahun merekodkan 16.25 juta orang. Oleh itu, kadar penyertaan tenaga buruh naik 0.4 mata peratus kepada 69.0 peratus. Bilangan penduduk bekerja terus meningkat 2.2 peratus kepada 15.57 juta orang dengan nisbah guna tenaga kepada penduduk naik kepada 66.2 peratus. Bilangan penganggur berkurang sebanyak 100.6 ribu kepada 671.2 ribu orang, sekali gus mencatatkan kadar pengangguran 4.1 peratus.
- Malaysia secara keseluruhannya telah beralih ke fasa keempat Pelan Pemulihan Negara pada awal tahun 2022 sekali gus membenarkan aktiviti perniagaan dan sosial beroperasi pada kapasiti penuh sepanjang ST1 2022. Hal ini seterusnya telah menyumbang kepada penurunan bilangan penduduk bekerja kurang 30 jam seminggu sebanyak 23.9 peratus berbanding ST1 2021, mencatatkan 336.3 ribu orang. Sehubungan itu, kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan masa turun 0.4 mata peratus kepada 1.6 peratus. Sementara itu, meskipun merekodkan kadar yang lebih rendah pada suku tersebut, guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran merangkumi lebih dari satu per tiga penduduk bekerja sberpendidikan tertiar dengan kadar 36.9 peratus.
- Melihat kepada permintaan buruh dalam sektor ekonomi, bilangan jawatan naik sebanyak 1.8 peratus berbanding setahun yang lalu kepada 8.57 juta. Jawatan diisi yang merangkumi 97.8 peratus, melonjak 1.7 peratus berbanding suku yang sama tahun lepas merekodkan 8.39 juta. Sementara itu, peluang pekerjaan yang digambarkan oleh bilangan kekosongan, naik 3.6 peratus kepada 184.3 ribu kekosongan dalam tempoh yang sama. Permintaan semakin baik ditunjukkan oleh peningkatan pewujudan jawatan sebanyak 48.6 peratus kepada 25.8 ribu.
- Dengan ekonomi Malaysia berkembang 5.0 peratus, produktiviti buruh yang diukur melalui nilai ditambah per pekerja mencatatkan peningkatan 2.7 peratus merekodkan nilai RM23,129 per pekerja pada ST1 2022. Dalam masa yang sama, jumlah jam bekerja melonjak 4.6 peratus kepada 8.94 bilion jam susulan pembukaan semula aktiviti ekonomi. Oleh itu, nisbah nilai ditambah kepada jam bekerja meningkat marginal 0.3 peratus merekodkan nilai produktiviti buruh pada RM40.3.
- Malaysia memulakan langkah menuju endemik dengan pengumuman fasa peralihan ke endemik pada 1 April 2022. Peralihan ini merupakan strategi keluar dari pandemik yang membolehkan penduduk kembali kepada kehidupan yang hampir normal setelah lebih dua tahun melawan COVID-19. Berbanding memilih untuk kembali kepada keadaan sebelum pandemik, negara berada di persimpangan yang boleh membawa kepada penambahbaikan struktur pasaran buruh dan selanjutnya memacu peralihan ke arah ekonomi bernilai tambah tinggi. Tidak dapat dinafikan bahawa peralihan struktur adalah satu perkara yang besar dan kompleks yang memerlukan komitmen semua dalam kitaran pasaran buruh dan ekonomi iaitu industri, komuniti dan kerajaan. Namun, usaha iniseleras dengan inisiatif strategik yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 dengan aspirasi menjadi negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2025.
- Melangkah ke suku kedua 2022, fasa peralihan ke endemik antara lain, melibatkan beberapa lagi sekatan diberi kelonggaran termasuk pembukaan semula sempadan antarabangsa negara. Di samping itu, kebenaran pengeluaran khas oleh pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja bagi meringankan beban mereka yang masih terkesan akibat pandemik COVID-19 dijangka akan memberi impak positif kepada ekonomi seterusnya mendorong kepada permintaan barangan dan perkhidmatan yang lebih tinggi memandangkan bulan Ramadan diikuti dengan sambutan Aidilfitri turut jatuh pada suku tahun ini. Dengan normalisasi aktiviti sosial dan ekonomi sepanjang suku kedua 2022, dijangka merangsang situasi pasaran buruh dari segi peningkatan permintaan oleh industri dan penurunan pengangguran. Walau bagaimanapun, prospek tersebut tertakluk kepada pelbagai cabaran ekonomi global termasuk ketegangan geopolitik berterusan antara Rusia dan Ukraine.

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**

# 1. PENDAHULUAN

## Momentum pasaran buruh Malaysia meningkat selaras dengan perkembangan ekonomi pada suku pertama 2022

Mac 2022 menginjak hampir dua tahun setelah *World Health Organization* (WHO) mengisytiharkan COVID-19 sebagai pandemik. Sejak itu, komuniti global berdepan dengan perubahan besar landskap sosioekonomi. Langkah-langkah awal yang ketat bagi pengekangan penularan pada 2020 kemudiannya telah dilaksanakan secara bersasar mulai 2021 selaras dengan usaha negara-negara untuk mencapai keseimbangan yang optimum di antara kedudukan ekonomi dan perlindungan kesihatan. Walaupun jumlah jangkitan harian COVID-19 di peringkat global meningkat secara ketara pada awal 2022 berikutan kemunculan varian Omicron yang lebih mudah berjangkit, bilangan kematian kerana COVID-19 di seluruh dunia menurun sekali gus mencerminkan keberkesanan program imunisasi. Walau bagaimanapun, ketegangan geopolitik antara Ukraine dan Rusia pada ketika ekonomi global berada dalam landasan pemulihan daripada krisis kesihatan awam, telah menyebabkan gangguan rantai bekalan berikutan sekatan ekonomi yang dikenakan oleh negara-negara bagi menamatkan pertelingkahan tersebut. Justeru, *International Monetary Fund* (IMF) telah menyemak semula unjuran pertumbuhan ekonomi dunia 2022 kepada 3.6 peratus berbanding 4.4 peratus yang diramalkan pada bulan Januari<sup>1</sup>.

Bagi Malaysia, secara rasminya seluruh negara telah beralih ke fasa terakhir Pelan Pemulihan Negara (PPN) pada Januari 2022 dengan peralihan Sarawak dan Kelantan ke fasa empat sejak 3 Januari 2022. Walaupun varian Omicron menular dengan kadar yang lebih pantas berbanding varian COVID-19 yang lain, sebanyak 78.7 peratus penduduk negara ini telah lengkap divaksinasi sehingga 31 Januari 2022 dengan kadar vaksinasi bagi dewasa mencapai 97.9 peratus<sup>2</sup>. Mengimbau kembali pada bulan yang sama tahun 2021, negara berada dalam fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) buat kali kedua berikutan peningkatan jangkitan dan kematian harian yang tinggi. Namun begitu, impak sosial dan ekonomi akibat daripada langkah-langkah pengekangan COVID-19 yang dilaksanakan di negara ini sejak dua tahun yang lalu semakin berkurang mulai awal tahun ini dengan kelonggaran langkah kawalan secara berterusan oleh kerajaan. Lebih banyak aktiviti sosial dan rekreasi dibenarkan, mendorong kepada peningkatan mobiliti orang ramai dalam dan antara negeri, antaranya mengadakan perjumpaan sosial serta mengunjungi ke pusat rekreasi, kedai runcit dan restoran secara kerap. Sementara itu, perniagaan juga dibenarkan untuk mengadakan mesyuarat, seminar, temu duga dan latihan secara bersemuka tertakluk kepada 50 peratus kapasiti ruang dan penjarakan fizikal. Perkembangan ini telah mendorong kepada peningkatan ekonomi secara berterusan di mana Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mengukuh sebanyak 4.7 peratus pada Januari 2022 berbanding pertumbuhan 2.6 peratus yang dicatatkan pada Disember 2021. Selari dengan ini, bilangan tenaga buruh meningkat 2.2 peratus tahun ke tahun dengan guna tenaga bertambah sebanyak 2.9 peratus manakala pengangguran berkurang 13.1 peratus sebahagian besarnya disebabkan oleh asas yang tinggi pada bulan yang sama pada tahun sebelumnya [Jadual 1].

Dengan lebih banyak kelonggaran sekatan berkaitan COVID-19 pada Februari 2022, membenarkan perjalanan orang ramai di dalam negara, perjumpaan sosial dan aktiviti rekreasi. Perayaan Tahun Baru Cina pada awal tahun ini juga disambut dalam suasana yang lebih meriah,

<sup>1</sup> International Monetary Fund. (2022, April). World Economic Outlook: War Sets Back the Global Recovery. Washington, DC, [Ebook]. Retrieved from International Monetary Fund: <https://www.imf.org/en/Publications/WEO/Issues/2022/04/19/world-economic-outlook-april-2022>

<sup>2</sup> <https://covid-19.moh.gov.my/terkini/2022/01/situasi-terkini-covid-19-di-malaysia-31012022>

selepas sambutan secara sederhana pada tahun lepas. Malahan, orang ramai mengambil kesempatan tempoh cuti panjang untuk menganjurkan aktiviti sosial bersama keluarga dan rakan-rakan. Lanjutan itu, prestasi perniagaan terutamanya dalam subsektor Perkhidmatan seperti Perdagangan runcit, Penginapan, Makanan & minuman dan Pengangkutan bertambah baik berikutan peningkatan dalam permintaan. Selanjutnya, sistem kesihatan awam negara telah berjaya menangani lonjakan tinggi bilangan kes harian baharu COVID-19 pada bulan tersebut mengambil kira faktor majoriti kes jangkitan adalah tidak bergejala atau bergejala ringan. Sebagai usaha untuk mengurangkan risiko jangkitan dan memastikan golongan berisiko dilindungi, program vaksinasi COVID-19 bagi kanak-kanak berumur lima hingga 11 tahun telah bermula pada 3 Februari 2022. Selaras dengan perkembangan ini, ekonomi terus meningkat sebanyak 5.2 peratus pada Februari 2022. Seiring dengan itu, tenaga buruh terus kekal dalam trend peningkatan sebanyak 2.2 peratus dengan guna tenaga naik 3.0 peratus manakala pengangguran jatuh 13.6 peratus daripada bulan yang sama pada 2021.

Peningkatan aktiviti sosioekonomi pada Februari berterusan sepanjang Mac berikutan kebanyakan aktiviti telah kembali seperti biasa. Lebih ramai orang menjalankan aktiviti perniagaan dan sosial, namun dalam keadaan berhati-hati dan terus melaksanakan langkah-langkah pencegahan jangkitan COVID-19. Satu-satunya sekatan yang kekal pada Mac adalah operasi 24 jam bagi restoran dan kedai runcit serta perjalanan merentas sempadan antarabangsa. Pertumbuhan ekonomi yang stabil dapat dilihat apabila KDNK meningkat sebanyak 5.4 peratus pada bulan tersebut. Sementara itu, tenaga buruh terus berada dalam trend menaik dengan peningkatan 2.2 peratus yang mana guna tenaga meningkat 2.9 peratus manakala pengangguran berkurang sebanyak 11.1 peratus.

Secara keseluruhan, prestasi ekonomi pada suku pertama (ST1) 2022 menunjukkan keberhasilan PPN Malaysia dengan ekonomi negara berkembang sebanyak 5.0 peratus tahun ke tahun berikutan pertumbuhan lebih kukuh sektor Perkhidmatan ditambah dengan peningkatan dalam sektor Pembuatan. Dari segi nilai, KDNK telah melepasi paras yang dicatatkan sebelum pandemik pada ST4 2019. Hal ini, memberi isyarat bahawa ekonomi Malaysia berada di landasan yang tepat untuk kembali pulih pada 2022 selepas tempoh ketidakpastian akibat daripada situasi kesihatan awam. Penamatan sekatan yang berkaitan dengan pandemik secara berterusan sepanjang tempoh suku tahun telah mendorong lebih banyak permintaan dalam ekonomi, justeru merangsang peningkatan permintaan buruh dan seterusnya meningkatkan bilangan penduduk bekerja serta mengurangkan pengangguran.

**Jadual 1:** Keluaran dalam negeri kasar, tenaga buruh, penduduk bekerja dan penganggur, 2020, 2021 & Januari 2021 hingga Mac 2022, peratus perubahan tahun ke tahun (%)

Tahun/Bulan	KDNK	Tenaga Buruh	Penduduk Bekerja	Penganggur	
2020	-6.3	0.6	-0.8	39.9	
2021	9.0	-0.8	-0.7	-3.1	
2021	Jan	-3.6	1.2	-0.5	52.9
	Feb	-3.6	1.1	-0.5	48.0
	Mar	6.1	1.5	0.6	23.4
	Apr	39.7	2.4	2.8	-4.6
	May	19.3	2.5	3.2	-11.9
	June	-3.6	1.9	2.1	-0.6
	July	-7.6	1.6	1.5	4.4
	Aug	-4.7	1.5	1.5	1.0
	Sep	-1.1	1.7	1.8	-1.1
	Oct	2.7	1.9	2.3	-5.8
	Nov	6.2	2.2	2.7	-9.2
	Dec	2.0	2.2	2.8	-11.0
2022	Jan	4.3	2.2	2.9	-13.1
	Feb	5.2	2.2	3.0	-13.6
	Mar	5.4	2.2	2.9	-11.2

**Sumber:** Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, Mac 2022, & Akaun Negara ST1 2022, DOSM




## 2. PENAWARAN BURUH

### 2.1 Tenaga buruh pada suku pertama 2022

Melihat kepada kedudukan tenaga buruh pada ST1 2022, bilangan tenaga buruh mengukuh sebanyak 1.5 peratus, bertambah 237.8 ribu orang tahun ke tahun untuk merekodkan 16.25 juta orang. Begitu juga, kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) meningkat sebanyak 0.4 mata peratus kepada 69.0 peratus. Walaupun KPTB ini merupakan yang tertinggi dicatatkan sejak ST1 2020, namun kadar ini adalah 0.1 mata peratus lebih rendah berbanding yang direkodkan pada ST4 2019 iaitu suku tahun sebelum pandemik COVID-19 [Carta 1].

Pada masa yang sama, berbanding dengan suku sebelumnya menunjukkan bilangan tenaga buruh naik sebanyak 0.7 peratus (+111.1 ribu), manakala KPTB terus meningkat 0.3 mata peratus.

**Carta 1:** Tenaga buruh dan kadar penyertaan tenaga buruh, ST1 2019 – ST1 2022




**Sumber:** Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST1 2022, DOSM

Mengikut pecahan jantina, lelaki merangkumi lebih daripada separuh tenaga buruh negara, menyumbang sebanyak 61.1 peratus pada ST1 2022. Bilangan tenaga buruh lelaki melonjak 1.5 peratus atau bersamaan dengan 150.4 ribu orang untuk merekodkan 9.93 juta orang lelaki dalam tenaga buruh pada ST1 2022. Sementara itu, tenaga buruh perempuan mencatatkan peningkatan sebanyak 1.4 peratus, bertambah 87.4 ribu orang merangkumi 38.9 peratus (6.32 juta) daripada keseluruhan tenaga buruh [Carta 2].

Perbandingan suku tahunan, kedua-dua tenaga buruh lelaki dan perempuan mencatatkan pertambahan berbanding ST4 2021 yang mana tenaga buruh lelaki naik 0.7 peratus (+70.8 ribu) manakala perempuan meningkat 0.6 peratus (+40.3 ribu).


**Carta 2:** Tenaga buruh mengikut jantina, ST1 2019 – ST1 2022



Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST1 2022, DOSM

Secara suku tahunan, KPTB lelaki merekodkan sekitar 80 peratus dan ke atas, hampir dua kali ganda kadar yang dicatatkan oleh tenaga buruh perempuan iaitu dalam 55 peratus. Pada ST1 2022, KPTB lelaki meningkat sebanyak 0.6 mata peratus dari suku yang sama tahun sebelumnya merekodkan 81.5 peratus. Sementara itu, KPTB perempuan dalam tempoh yang sama meningkat 0.2 mata peratus kepada 55.6 peratus [Carta 3].

**Carta 3:** Kadar penyertaan tenaga buruh mengikut jantina, ST1 2019 – ST1 2022




Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST1 2022, DOSM

Kumpulan umur 25 hingga 34 tahun membentuk komposisi terbesar tenaga buruh, meliputi sumbangan sebanyak 34.2 peratus pada ST1 2022. Tenaga buruh dalam kumpulan umur 35 hingga 44 tahun berada pada kedudukan kedua dengan 25.2 peratus, diikuti oleh 15 hingga 24 tahun (16.9%) dan 45 hingga 54 tahun (16.2%). Berdasarkan perbandingan tahun ke tahun, semua kumpulan umur kecuali bagi dua kumpulan umur yang lebih tua menunjukkan peningkatan dalam bilangan tenaga buruh. Pertambahan tertinggi direkodkan oleh kumpulan umur 25 hingga 34 tahun dengan peningkatan sebanyak 250.7 ribu (4.7%) kepada 5.56 juta orang. Sementara itu, satu lagi kategori yang menunjukkan peningkatan yang besar dalam tenaga buruh pada ST1 2022 adalah kumpulan umur 15 hingga 24 tahun.

Kategori ini merekodkan peningkatan sebanyak 113.1 ribu (4.3%) mencatatkan 2.74 juta orang. Pada masa yang sama, kumpulan umur 55 hingga 64 tahun mencatatkan penurunan sebanyak 127.1 ribu orang (-9.4%) kepada 1.23 juta orang. Bilangan tenaga buruh yang lebih rendah berbanding ST1 2021 turut direkodkan dalam kumpulan umur 45 hingga 54 tahun, turun 26.7 ribu orang (-1.0%) kepada 2.64 juta orang.

Perbandingan suku ke suku, penurunan kecil dilihat dalam bilangan tenaga buruh bagi dua kohort umur iaitu kumpulan umur 25 hingga 34 tahun dan 34 hingga 44 tahun. Sementara itu, tiga kumpulan umur yang lain merekodkan pertumbuhan positif suku ke suku [Carta 4].

**Carta 4:** Tenaga buruh mengikut kumpulan umur, ST1 2021, ST4 2021 & ST1 2022




**Sumber:** Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST1 2022, DOSM

Dari segi penyertaan tenaga buruh mengikut kumpulan umur, umur 25 hingga 34 tahun mencatatkan KPTB tertinggi iaitu 87.4 peratus pada ST1 2022. Ini diikuti oleh kumpulan umur 35 hingga 44 tahun dengan 84.6 peratus dan kumpulan umur 45 hingga 54 tahun (75.2%). KPTB paling rendah dicatatkan dalam kumpulan umur 55 hingga 64 tahun pada 44.0 peratus. Peningkatan KPTB pada ST1 2022 disebabkan terutamanya oleh kenaikan KPTB bagi umur 25 hingga 34 tahun dan 15 hingga 24 tahun, masing-masing sebanyak 3.5 mata peratus dan 2.0 mata peratus.

Menariknya, pecahan terperinci mengikut kumpulan umur menunjukkan KPTB tertinggi adalah berbeza antara lelaki dan perempuan. KPTB lelaki melonjak kepada lebih daripada 90 peratus bagi kumpulan umur 25 hingga 34 tahun dan kekal tinggi sehingga umur 45 hingga 54 tahun, sebelum menurun bagi kumpulan 55 hingga 64 tahun. Pada ST1 2022, KPTB tertinggi direkodkan untuk lelaki dalam kumpulan umur 35 hingga 44 tahun iaitu 97.4 peratus. Bagi perempuan, KPTB tertinggi bagi kumpulan umur 25 hingga 34 tahun, mencatatkan 80.6 peratus pada ST1 2022. Walau bagaimanapun, KPTB perempuan menurun bagi kumpulan umur yang lebih muda berbanding lelaki dan terus berkurang selari dengan peningkatan umur [Carta 5].

**Carta 5:** KPTB mengikut jantina dan kumpulan umur, ST1 2021, ST4 2021 & ST1 2022




Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST1 2022, DOSM

## 2.2 Guna tenaga pada suku pertama 2022

Pada ST1 2022, bilangan penduduk bekerja terus merekodkan peningkatan dengan pertumbuhan tahun ke tahun yang lebih besar iaitu sebanyak 2.2 peratus berbanding 1.8 peratus yang dicatatkan pada ST4 2021. Oleh itu, penduduk bekerja meningkat sebanyak 338.3 ribu orang merekodkan 15.57 juta penduduk bekerja. Lanjutan itu, keupayaan ekonomi untuk mewujudkan pekerjaan yang diukur oleh nisbah guna tenaga kepada penduduk meningkat 0.9 mata peratus daripada suku yang sama tahun sebelumnya kepada 66.2 peratus.

Sementara itu, penduduk bekerja mencatatkan pertumbuhan suku ke suku yang sederhana sebanyak 0.9 peratus (+134.2 ribu) berbanding 1.1 peratus yang direkodkan pada ST4 2021. Dalam tempoh yang sama, nisbah guna tenaga kepada penduduk mencatatkan kenaikan sebanyak 0.5 mata peratus [Carta 6].

**Carta 6:** Penduduk bekerja & nisbah guna tenaga kepada penduduk, ST1 2019 – ST1 2022




**Sumber:** Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST1 2022, DOSM


Lebih separuh daripada penduduk bekerja adalah lelaki, merangkumi 61.2 peratus (9.53 juta) berbanding 38.8 peratus (6.04 juta) perempuan pada ST1 2022. Peningkatan bilangan penduduk bekerja pada suku yang sama tahun 2021 disokong oleh kenaikan bagi kedua-dua jantina, lelaki dan perempuan masing-masing sebanyak 2.4 peratus dan 2.0 peratus. Kedua-dua kategori ini juga mencatatkan peningkatan berbanding suku tahun sebelumnya di mana bilangan pekerja lelaki meningkat sebanyak 1.0 peratus manakala pekerja perempuan meningkat sebanyak 0.7 peratus [Carta 7].

**Carta 7:** Penduduk bekerja mengikut jantina, ST1 2021, ST4 2021 & ST1 2022

Orang ('000) & Peratus sumbangan (%)



Peratus perubahan (%)




Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST1 2022, DOSM

Analisis selanjutnya bagi penduduk bekerja mengikut kumpulan umur menunjukkan kategori umur 25 hingga 34 tahun merupakan penyumbang terbesar dengan 34.2 peratus, mewakili 5.32 juta orang pada ST1 2022. Ini diikuti oleh 25.8 peratus (4.02 juta) dalam kategori umur 35 hingga 44 tahun. Kombinasi kedua-dua kategori ini meliputi hampir dua pertiga daripada jumlah penduduk bekerja. Pada masa yang sama, sumbangan kumpulan umur belia yang bekerja berumur 15 hingga 24 tahun adalah sebanyak 15.6 peratus (2.44 juta).


Peningkatan tahunan dalam bilangan penduduk bekerja didapati dalam kumpulan umur yang lebih muda manakala kumpulan umur yang lebih tua menunjukkan penurunan. Penduduk bekerja dalam kumpulan umur 25 hingga 34 tahun meningkat sebanyak 247.1 ribu orang (4.9%) diikuti oleh peningkatan sebanyak 127.3 ribu (5.5%) dalam bilangan guna tenaga belia. Sementara itu, bilangan penduduk bekerja berumur 35 hingga 44 tahun naik secara marginal 65.0 ribu orang (1.6%). Sebaliknya penduduk bekerja berumur 55 hingga 64 tahun berkurang sebanyak 86.6 ribu orang (-6.7%) diikuti oleh kategori umur 45 hingga 54 tahun yang berkurang sebanyak 14.4 ribu orang (-0.6%). Dari segi perbandingan dengan suku sebelumnya, semua kategori merekodkan peningkatan bilangan penduduk bekerja kecuali kumpulan umur 35 hingga 44 tahun yang mencatatkan sedikit penurunan [Carta 8].

**Carta 8:** Penduduk bekerja mengikut kumpulan umur, ST1 2021, ST4 2021 & ST1 2022

Orang ('000) & Peratus sumbangan (%)



Peratus perubahan (%)




Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST1 2022, DOSM

Fokus terhadap tahap kemahiran penduduk bekerja pada ST1 2022, penduduk bekerja dalam pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah merekodkan peningkatan tahun ke tahun manakala penduduk bekerja dalam kategori mahir kekal dalam trend menurun sejak ST3 2021.

Penduduk bekerja dalam kategori separuh mahir yang merangkumi 59.7 peratus, naik 7.7 peratus (+668.0 ribu) berbanding suku yang sama tahun sebelumnya merekodkan 9.30 juta orang pada ST1 2022. Begitu juga, kategori pekerjaan berkemahiran rendah mencatatkan peningkatan sebanyak 11.5 peratus bilangan penduduk bekerja kepada 1.93 juta orang. Pada masa yang sama, mereka yang bekerja dalam kategori mahir meliputi sumbangan 27.9 peratus, mencatatkan penurunan sebanyak 10.9 peratus (-528.5 ribu) kepada 4.34 juta orang [Carta 9].

Perbandingan dengan suku tahun sebelumnya, penduduk bekerja dalam ketiga-tiga kategori kemahiran merekodkan peningkatan. Kategori separuh mahir mencatatkan kenaikan tertinggi iaitu sebanyak 60.4 ribu orang (0.7%), diikuti dengan kategori mahir dengan pertambahan 45.7 ribu (1.1%) penduduk bekerja. Selain itu, penduduk bekerja dalam kategori berkemahiran rendah meningkat sebanyak 28.1 ribu orang (1.5%).

**Carta 9:** Penduduk bekerja mengikut tahap kemahiran, ST1 2020 – ST1 2022




Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST1 2022, DOSM

Melihat kepada taraf pekerjaan penduduk bekerja pada ST1 2022, semua kategori merekodkan peningkatan tahun ke tahun dan suku ke suku kecuali bagi taraf pekerjaan pekerja keluarga tanpa gaji. Berbanding dengan suku yang sama tahun sebelumnya, kategori bekerja sendiri terus merekodkan pertumbuhan positif, walaupun pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 6.9 peratus (+174.4 ribu) berbanding 8.7 peratus yang direkodkan pada ST4 2021. Kategori ini – yang melibatkan pelbagai bentuk pekerjaan termasuk pekerjaan tradisional sebagai petani, peruncit dan penjaja serta pekerjaan profesional seperti perunding dan *freelancer* – merangkumi 17.4 peratus atau 2.71 juta orang.

Kategori pekerja yang meliputi sumbangan peratusan terbesar merekodkan 75.9 peratus pada ST1 2022. Penduduk bekerja dalam kategori ini – yang terdiri daripada pekerja bergaji di sektor awam dan swasta – mengalami peningkatan 1.2 peratus atau tambahan sebanyak 145.0 ribu penduduk bekerja, menjadikan jumlah kepada 11.82 juta orang. Di samping itu, kategori majikan yang terdiri daripada 3.4 peratus daripada penduduk bekerja memperoleh tambahan 37.7 ribu (7.7%) kepada 529.1 ribu penduduk bekerja pada ST1 2022 [Carta 10].

**Carta 10:** Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan, ST1 2019 – ST1 2022



Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST1 2022, DOSM




Bagi taburan mengikut pencapaian pendidikan, lebih daripada separuh penduduk bekerja mempunyai pendidikan menengah. Pada ST1 2022, kategori ini merangkumi 56.1 peratus, diikuti hampir satu pertiga berpendidikan tertiar (31.5%). Selebihnya adalah dalam kategori pendidikan rendah (9.1%) dan tiada pendidikan formal (3.3%).

Dari segi bilangan pada suku tersebut, penduduk bekerja dengan pendidikan menengah meningkat 6.0 peratus (+496.5 ribu) berbanding suku yang sama pada tahun sebelumnya kepada 8.74 juta orang. Selain itu, penduduk bekerja yang tiada pendidikan formal juga merekodkan peningkatan sebanyak 23.9 peratus (+99.8 ribu) kepada 517.4 ribu orang. Sebaliknya, sejumlah 1.42 juta penduduk bekerja dengan pendidikan rendah direkodkan selepas pengurangan sebanyak 9.7 peratus (-151.4 ribu) pada ST1 2022. Begitu juga, penduduk bekerja dengan pendidikan tertiar menurun sebanyak 2.1 peratus (-106.6 ribu) kepada 4.90 juta orang [Carta 11].


Peningkatan suku tahunan penduduk bekerja disumbangkan oleh kenaikan dalam tiga kategori taraf pendidikan iaitu rendah, menengah dan tertiar. Sebaliknya, bilangan penduduk bekerja yang tiada pendidikan formal menurun sebanyak 5.8 peratus berbanding ST4 2022.

**Carta 11:** Penduduk bekerja mengikut taraf pendidikan, ST1 2021, ST4 2021 & ST1 2022

**Orang ('000) & Peratus sumbangan (%)**



**Peratus perubahan (%)**




Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST1 2022, DOSM

## 2.3 Gambaran kedudukan guna tenaga tidak penuh pada suku pertama 2022

Keseluruhan Malaysia telah beralih ke fasa keempat PPN pada awal 2022, sekali gus mendorong kepada pembukaan semula aktiviti ekonomi dan sosial pada kapasiti penuh sepanjang ST1 2022. Hal ini seterusnya menyebabkan bilangan penduduk bekerja kurang dari 30 jam seminggu menurun 23.9 peratus (-105.6 ribu) berbanding suku yang sama pada 2021 yang mencatatkan 336.3 ribu orang. Kumpulan ini yang merangkumi 2.2 peratus daripada jumlah guna tenaga, mencatatkan penurunan 0.7 mata peratus tahun ke tahun. Trend yang sama juga dilihat berdasarkan perubahan suku tahunan, yang mana bilangan dalam kumpulan ini menurun sebanyak 14.6 peratus (-57.5 ribu) dari ST4 2021, dengan kadar menurun sebanyak 0.4 mata peratus [Carta 12].


**Carta 12:** Penduduk bekerja kurang dari 30 jam, ST1 2020 – ST1 2022



Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST1 2022, DOSM

Selari dengan keadaan ini, kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan masa menurun 0.4 mata peratus kepada 1.6 peratus. Bilangan penduduk bekerja dalam kategori guna tenaga tidak penuh berkaitan masa berkurang 21.1 peratus (-65.5 ribu) mencatatkan 245.1 ribu orang pada ST1 2022. Trend yang sama dilihat berdasarkan perbandingan suku ke suku yang mana bilangan guna tenaga tidak penuh berkaitan masa jatuh sebanyak 48.0 ribu (-16.4%) berbanding ST4 2021 manakala kadar menurun 0.3 mata peratus [Carta 13].


**Carta 13:** Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa, ST1 2020 – ST1 2022



Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST1 2022, DOSM

Satu lagi dimensi ketidakcekapan buruh dikaitkan dengan kemahiran atau secara umumnya didefinisikan sebagai mereka yang ingin menukar kedudukan pekerjaan semasa bagi menggunakan sepenuhnya kemahiran pekerjaan mereka. Berdasarkan ketersediaan data dari Survei Tenaga Buruh, indikator ini diukur menggunakan proksi pemboleh ubah pekerjaan dan pencapaian pendidikan. Pada ST1 2022, bilangan penduduk dalam guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran terus mencatatkan penurunan tahun ke tahun sebanyak 4.7 peratus (-89.8 ribu) merekodkan 1.81 juta orang. Hal ini menyebabkan sumbangan penduduk bekerja berpendidikan tertiar yang bekerja dalam pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah menurun sebanyak 1.0 mata peratus berbanding ST1 2021, merekodkan kadar 36.9 peratus. Begitu juga, perbandingan dengan ST4 2021 menunjukkan bahawa mereka yang bekerja dalam guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran menurun sebanyak 1.5 peratus (-28.2 ribu) sementara sumbangan peratus menunjukkan pengurangan sebanyak 0.6 mata peratus. Walaupun bilangan penduduk bekerja dalam kategori ini menurun, pada hakikatnya lebih dari satu pertiga penduduk bekerja yang berpendidikan tertiar berada dalam pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah [Carta 14].

**Carta 14:** Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran, ST1 2020 – ST1 2022




**Sumber:** Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST1 2022, DOSM

## 2.4 Pengangguran pada suku pertama 2022

Pada ST1 2022, bilangan penganggur menurun 13.0 peratus atau bersamaan dengan pengurangan 100.6 ribu orang daripada suku yang sama pada tahun sebelumnya untuk merekodkan 671.2 ribu orang penganggur. Kadar pengangguran nasional adalah 4.1 peratus pada ST1 2022 selepas merekodkan penurunan tahun ke tahun sebanyak 0.7 mata peratus. Walaupun berlakunya trend penurunan dalam kedudukan pengangguran selepas mencapai kadar suku tahunan tertinggi pada ST2 2020, bilangan dan kadar masih belum kembali ke tahap sebelum pandemik iaitu pada ST4 2019.

Perbandingan suku ke suku, bilangan penganggur turut mengalami trend penurunan sejak ST2 2021. Berbanding dengan suku sebelumnya, penganggur berkurang sebanyak 23.1 ribu orang manakala kadar pengangguran menurun sebanyak 0.2 mata peratus [Carta 15].


**Carta 15:** Penganggur dan kadar pengangguran, ST1 2019 – ST1 2022



Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST1 2022, DOSM

Penganggur lelaki merangkumi lebih separuh daripada jumlah pengangguran (58.8%) berbanding 41.2 peratus penganggur perempuan. Penurunan tahun ke tahun bagi pengangguran pada ST1 2022 adalah disebabkan oleh kedua-dua jantina, lelaki dan perempuan di mana penganggur lelaki menurun 15.0 peratus (-69.8 ribu) kepada 395.0 ribu orang dan penganggur perempuan juga menunjukkan penurunan sebanyak 10.0 peratus (-30.8 ribu) kepada 276.2 ribu orang [Carta 16].


**Carta 16:** Penganggur mengikut jantina, ST1 2021, ST4 2019 & ST1 2022



Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST1 2022, DOSM

Walaupun bilangan penganggur lelaki lebih ramai berbanding perempuan, kadar pengangguran perempuan adalah lebih tinggi daripada lelaki. Pada ST1 2022, kadar pengangguran perempuan adalah 4.4 peratus, 0.4 mata peratus lebih tinggi daripada lelaki iaitu pada 4.0 peratus. Kedua-dua mencatatkan kadar yang lebih rendah berbanding suku yang sama tahun sebelumnya, dengan kadar pengangguran lelaki menurun sebanyak 0.8 mata peratus dan perempuan berkurang 0.6 mata peratus. Berbanding suku sebelumnya, kadar pengangguran bagi lelaki dan perempuan masing-masing mencatatkan penurunan sebanyak 0.2 mata peratus dan 0.1 mata peratus [Carta 17].

**Carta 17:** Kadar pengangguran mengikut jantina, ST1 2019 – ST1 2022




Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST1 2022, DOSM


Pengangguran sebahagian besarnya tertumpu dalam kumpulan umur belia iaitu 15 hingga 24 tahun, yang meliputi sumbangan sebanyak 45.2 peratus atau bersamaan dengan 303.2 ribu orang pada ST1 2022. Ini diikuti oleh 34.9 peratus (234.6 ribu) dalam kumpulan umur 25 hingga 34 tahun dan 10.0 peratus (67.1 ribu) dalam kumpulan umur 35 hingga 44 tahun. Didapati, bilangan penganggur merekodkan penurunan tahun ke tahun bagi kesemua kumpulan umur kecuali kumpulan umur 25 hingga 34 tahun yang merekodkan peningkatan marginal sebanyak 1.6 peratus (+3.6 ribu) [Carta 18].

**Carta 18:** Penganggur mengikut kumpulan umur, ST1 2021, ST4 2021 & ST1 2022

Orang ('000) & Peratus sumbangan (%)



Peratus perubahan (%)




Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST1 2022, DOSM

Kejatuhan kadar pengangguran nasional disumbangkan oleh penurunan tahun ke tahun kadar pengangguran bagi kesemua kumpulan umur. Menariknya, kadar pengangguran bagi kebanyakan kumpulan umur jatuh dengan ketara dengan pengurangan terbesar dialami oleh kumpulan umur 55 hingga 64 tahun daripada 4.5 peratus pada ST1 2021 kepada 1.6 peratus pada suku ini. Walaupun mengalami penurunan, perhatian perlu diberikan terhadap kadar pengangguran belia berumur 15 hingga 24 tahun iaitu 11.1 peratus pada ST1 2022 yang terus merekodkan dua digit selepas turun kepada 9.9 peratus dalam tempoh prapandemik pada ST4 2019 [Carta 19].

**Carta 19:** Kadar pengangguran mengikut kumpulan umur, ST1 2019 – ST1 2022


Peratus (%)



Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST1 2022, DOSM

Sejak ST3 2021, penganggur aktif merangkumi hampir 90 peratus daripada jumlah pengangguran. Pada ST1 2022, sumbangan adalah sebanyak 88.3 peratus yang bersamaan dengan 593.0 ribu orang. Kategori ini mengalami penurunan sebanyak 7.4 peratus (-47.1 ribu) berbanding suku yang sama tahun sebelumnya. Pada masa yang sama, penganggur tidak aktif merekodkan penurunan yang lebih tinggi sebanyak 40.6 peratus (-53.5 ribu) kepada 78.2 ribu orang [Carta 20].


**Carta 20:** Penganggur aktif dan tidak aktif, ST1 2019 – ST1 2022



Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST1 2022, DOSM

Bagi tempoh pengangguran dalam kalangan penganggur aktif, hampir 60 peratus (353.4 ribu) menganggur kurang daripada 3 bulan manakala kurang daripada 30 peratus (141.3 ribu) menganggur untuk tempoh antara 3 hingga kurang daripada 6 bulan. Mereka yang berada dalam pengangguran jangka panjang terdiri daripada 6.6 peratus (39.4 ribu) merekodkan penurunan sebanyak 42.7 peratus (-29.4 ribu) daripada ST1 2021 [Carta 21].

**Carta 21:** Penganggur aktif mengikut tempoh masa menganggur, ST1 2021, ST4 2021 & ST1 2022




Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST1 2022, DOSM

## 2.5 Luar tenaga buruh pada suku pertama 2022

Beralih kepada mereka dalam kumpulan tidak aktif, yang juga dikenali sebagai luar tenaga buruh, ST1 2022 menyaksikan bilangan dalam kategori ini turun secara marginal sebanyak 0.4 peratus tahun ke tahun (-26.1 ribu) mencatatkan 7.29 juta orang. Oleh kerana penurunan ini berlaku seiring dengan peningkatan dalam bilangan tenaga buruh, maka ia memberi isyarat bahawa lebih ramai orang menyertai tenaga buruh. Begitu juga, bilangan luar tenaga buruh juga menurun sebanyak 1.0 peratus (-71.6 ribu) berbanding suku sebelumnya [Carta 22].


**Carta 22:** Luar tenaga buruh, ST1 2019 – ST1 2022



Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST1 2022, DOSM

Lebih dua pertiga golongan luar tenaga buruh merupakan perempuan. Pada ST1 2022, sumbangan luar tenaga buruh perempuan adalah 69.1 peratus atau bersamaan dengan 5.04 juta orang. Sementara itu, lelaki berjumlah 2.25 juta orang atau 30.9 peratus daripada keseluruhan luar tenaga buruh. Berbanding ST1 2021, bilangan lelaki menurun 2.2 peratus (-51.2 ribu) manakala luar tenaga buruh bagi perempuan meningkat sebanyak 0.5 peratus (+25.1 ribu) [Carta 23].

**Carta 23:** Luar tenaga buruh mengikut jantina, ST1 2019 – ST1 2022




Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST1 2022, DOSM



Melihat kepada taburan luar tenaga buruh mengikut kumpulan umur, hampir separuh daripadanya adalah belia berumur 15 hingga 24 tahun. Pada ST1 2022, kategori ini merangkumi 45.6 peratus atau 3.32 juta orang daripada keseluruhan luar tenaga buruh. Kumpulan ini boleh dikaitkan dengan mereka yang belum menamatkan pengajian. Satu lagi sumbangan besar yang signifikan iaitu 21.4 peratus (1.56 juta) adalah golongan dalam kohort umur tertua iaitu 55 hingga 64 tahun yang mungkin disebabkan oleh persaraan.

Perubahan tahun ke tahun, dua kumpulan umur mencatatkan penurunan dalam bilangan luar tenaga buruh, iaitu pengurangan 21.6 peratus (-220.2 ribu) bagi kumpulan umur 25 hingga 34 tahun dan penurunan sebanyak 3.9 peratus (-134.3 ribu) bagi kumpulan umur belia 15 hingga 24 tahun. Walaupun kumpulan umur lain mengalami peningkatan dalam bilangan luar tenaga buruh, penurunan dalam luar tenaga buruh bagi yang berumur dan 25 hingga 34 tahun mengatasi peningkatan yang direkodkan oleh kumpulan umur yang lain, justeru menyebabkan bilangan luar tenaga buruh yang lebih rendah pada ST1 2022 [Carta 24].


**Carta 24:** Luar tenaga buruh mengikut kumpulan umur, ST1 2021, ST4 2021 & ST1 2022



Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST1 2022, DOSM

Sesuatu yang menarik untuk diperhatikan, belia merangkumi lebih separuh (59.5%) daripada luar tenaga buruh lelaki pada ST1 2022 manakala hampir satu per empat lagi (23.9%) berada dalam kohort umur 55 hingga 64 tahun. Pada masa yang sama, dalam kalangan luar tenaga buruh perempuan, belia merangkumi 39.3 peratus, diikuti 20.2 peratus dalam kumpulan umur 55 hingga 64 tahun. Sumbangan peratus luar tenaga buruh perempuan bagi semua kumpulan umur dicatatkan antara 11 peratus hingga 15 peratus menunjukkan perempuan cenderung untuk keluar daripada pasaran buruh lebih awal berbanding lelaki [Carta 25].







**Carta 25:** Luar tenaga buruh mengikut jantina dan kumpulan umur, ST1 2021, ST4 2021 & ST1 2022.



Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST1 2022, DOSM

Dalam kalangan luar tenaga buruh, komposisi terbesar sebanyak 41.6 peratus adalah mereka yang tidak mencari kerja pada ST1 2022 disebabkan oleh kerja rumah atau tanggungjawab keluarga. Bilangan dalam kategori ini meningkat 1.1 peratus berbanding suku yang sama pada 2021, merekodkan 3.03 juta orang. Satu lagi kumpulan yang menyumbang sumbangan peratus yang agak ketara iaitu 41.4 peratus adalah luar tenaga buruh disebabkan oleh masih bersekolah atau menjalani program latihan manakala 3.0 peratus lagi akan melanjutkan pelajaran. Hampir separuh (44.4%) yang berada diluar tenaga buruh adalah disebabkan oleh pendidikan dan latihan, sekali gus menunjukkan kumpulan ini berpotensi untuk menyertai tenaga buruh setelah menamatkan aktiviti [Paparan 1].

**Paparan 1:** Luar tenaga buruh mengikut sebab untuk tidak mencari kerja, ST1 2021, ST4 2021 & ST1 2022


	ST1 2022 Orang ('000) (Peratus sumbangan)	Peratus perubahan (tahun ke tahun)		Peratus perubahan (suku ke suku)	
Bersekolah/ program latihan 	<b>3,021</b> (41.4%)	▼ <b>-4.5%</b>	▼ <b>-2.7%</b>	ST1 2021: <b>3,162</b> (43.2%)	ST4 2021: <b>3,106</b> (42.2%)
Kerja rumah 	<b>3,033</b> (41.6%)	▲ <b>1.1%</b>	▲ <b>1.7%</b>	ST1 2021: <b>3,000</b> (41.0%)	ST4 2021: <b>2,982</b> (40.5%)
Melanjutkan pelajaran 	<b>219</b> (3.0%)	▲ <b>202.8%</b>	▲ <b>14.8%</b>	ST1 2021: <b>72</b> (1.0%)	ST4 2021: <b>257</b> (3.5%)
Kurang upaya 	<b>221</b> (3.0%)	▲ <b>16.4%</b>	▲ <b>19.1%</b>	ST1 2021: <b>190</b> (2.6%)	ST4 2021: <b>185</b> (2.5%)
Tidak berminat/ baru tamat pengajian 	<b>91</b> (1.2%)	▼ <b>-66.5%</b>	▼ <b>-47.7%</b>	ST1 2021: <b>270</b> (3.7%)	ST4 2021: <b>91</b> (2.3%)
Bersara/ lanjut umur 	<b>705</b> (9.7%)	▲ <b>13.3%</b>	▲ <b>7.1%</b>	ST1 2021: <b>622</b> (5.1%)	ST4 2021: <b>659</b> (23.9%)

Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST1 2022, DOSM

## 2.6 Tenaga buruh mengikut negeri pada suku pertama 2022

Berhubung kedudukan tenaga buruh di peringkat negeri pada ST1 2022, lima negeri merekodkan KPTB lebih tinggi daripada kadar nasional (69.0%), iaitu Selangor (75.1%), W.P. Kuala Lumpur (74.5%), Pulau Pinang (71.1%), Sarawak (70.5%) dan W.P. Putrajaya (70.3%). Jika dibandingkan dengan suku yang sama tahun sebelumnya, kebanyakan negeri merekodkan peningkatan dalam KPTB – menunjukkan lebih banyak penyertaan penduduk umur bekerja dalam pasaran buruh di negeri-negeri tersebut, sama ada bekerja atau sedang mencari pekerjaan – kecuali bagi Selangor, Terengganu dan W.P. Kuala Lumpur [Carta 26].

**Carta 26:** Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) mengikut negeri, ST1 2022




Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST1 2022, DOSM

Pertumbuhan tahun ke tahun yang kukuh dalam bilangan penduduk bekerja di Malaysia pada ST1 2022 adalah disebabkan oleh pertumbuhan positif bagi semua negeri kecuali Selangor dan W.P. Kuala Lumpur. Sarawak memperoleh bilangan tertinggi penduduk bekerja iaitu seramai 93.5 ribu orang (7.2%), merekodkan 1.40 juta orang. Ini diikuti oleh Kelantan yang merekodkan tambahan 89.5 ribu (13.4%) penduduk bekerja berbanding ST1 2021.

Sebaliknya, penduduk bekerja di Selangor yang merangkumi hampir satu per empat (23.1%) daripada seluruh guna tenaga negara menunjukkan pengurangan sebanyak 3.0 peratus (-111.0 ribu) untuk merekodkan 3.60 juta orang. Sementara itu, penduduk bekerja di W.P. Kuala Lumpur berjumlah 859.5 ribu orang, merekodkan penurunan marginal sebanyak 1.7 peratus (-14.7 ribu) [Carta 27].

**Carta 27:** Penduduk bekerja mengikut negeri, ST1 2022



Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST1 2022, DOSM

Melihat kepada situasi pengangguran mengikut negeri pada ST1 2022, kadar pengangguran terendah direkodkan di W.P. Putrajaya pada 1.0 peratus mengambil kira kebanyakan pejabat kerajaan persekutuan terletak di wilayah ini. Satu lagi negeri dengan kadar pengangguran yang rendah adalah Pahang yang merekodkan 2.4 peratus. Selain daripada kedua-dua negeri ini, sepuluh negeri lain merekodkan kadar pengangguran yang lebih rendah berbanding kadar nasional (4.1%), di antara 3.0 hingga 3.9 peratus termasuk Selangor, Johor dan Pulau Pinang. Sementara itu, dalam kalangan empat negeri yang merekodkan kadar pengangguran melebihi 4.1 peratus, Sabah kekal dengan kadar pengangguran tertinggi iaitu 9.1 peratus.

Walaupun bilangan penganggur berkurang dengan ketara berbanding suku yang sama pada tahun sebelumnya, bilangan penganggur di tiga negeri merekodkan peningkatan. Peningkatan bilangan penganggur tertinggi adalah di Sabah (+8.2 ribu), diikuti Terengganu dengan peningkatan 4.3 ribu orang [**Jadual 2**].

**Jadual 2:** Kadar pengangguran, bilangan, perbezaan tahunan & peratus perubahan tahunan penganggur mengikut negeri, ST1 2022

Negeri	Kadar Pengangguran (%)	Penganggur		
		Orang	Perbezaan tahunan ('000)	Peratusan perubahan tahunan (%)
Sabah	9.1	188.3	8.2	4.5
W.P. Labuan	6.9	3.5	-1.0	-23.1
W.P. Kuala Lumpur	4.8	42.9	-2.6	-5.8
Terengganu	4.5	22.6	4.3	23.6
<b>Malaysia</b>	<b>4.1</b>	<b>671.2</b>	<b>-100.6</b>	<b>-13.0</b>
Kelantan	3.9	30.6	0.1	0.3
Perak	3.8	42.7	-6.8	-13.8
Perlis	3.4	3.9	-1.9	-32.5
Kedah	3.4	35.2	0.0	-0.1
Negeri Sembilan	3.3	16.7	-2.0	-10.7
Pulau Pinang	3.3	30.1	-2.0	-6.2
Johor	3.2	58.6	-12.2	-17.2
Selangor	3.2	118.1	-55.2	-31.9
Sarawak	3.2	45.7	-18.5	-28.8
Melaka	3.0	13.6	-2.1	-13.4
Pahang	2.4	18.4	-8.3	-31.0
W.P. Putrajaya	1.0	0.3	-0.5	-60.9


**Sumber:** Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST1 2022, DOSM

## 3. PERMINTAAN BURUH

### 3.1 Jawatan dalam sektor ekonomi pada suku pertama 2022

Setelah mencatatkan pertumbuhan tahun ke tahun yang positif pada ST4 2021 buat pertama kalinya sejak pandemik, ST1 2022 menyaksikan permintaan buruh yang diukur sebagai bilangan jawatan dalam sektor ekonomi terus meningkat sebanyak 1.8 peratus (+148.5 ribu) merekodkan 8.57 juta bilangan jawatan. Perbandingan suku ke suku, bilangan jawatan meningkat sebanyak 0.5 peratus (+41.4 ribu), menggambarkan pemulihan pasaran buruh secara beransur-ansur pada ketika peningkatan kadar vaksinasi dan kelonggaran sekatan COVID-19 [Carta 28].

**Carta 28:** Jawatan, ST1 2019 – ST1 2022




**Sumber:** Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST1 2022, DOSM

Pada ST1 2022, bilangan jawatan diisi meningkat 1.7 peratus (+142.1 ribu) berbanding suku yang sama tahun sebelumnya kepada 8.388 juta jawatan diisi. Pada masa yang sama, pertambahan sebanyak 40.7 ribu (0.5%) jawatan diisi direkodkan berbanding suku tahun sebelumnya.

Bagi peluang pekerjaan dalam ekonomi, kekosongan jawatan meningkat 3.6 peratus (+6.5 ribu) dari ST1 2021 kepada 184.3 ribu. Peningkatan marginal sebanyak 0.4 peratus (+0.7 ribu) dilihat berbanding ST4 2021 setelah peningkatan kukuh 5.5 peratus yang direkodkan pada ST4 2021.

Kadar jawatan diisi pada suku ini adalah 97.8 peratus, menurun 0.1 mata peratus dari ST1 2021 dan kekal seperti suku tahun sebelumnya. Sejajar dengan itu, kadar kekosongan naik sebanyak 0.1 mata peratus tahun ke tahun kepada 2.2 peratus and kekal seperti suku terdahulu [Carta 29].

**Carta 29:** Jawatan diisi, kadar jawatan diisi, kekosongan & kadar kekosongan, ST1 2019 - ST1 2022



Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST1 2022, DOSM

Analisis selanjutnya mengikut aktiviti ekonomi, pertumbuhan positif dalam jawatan adalah disebabkan oleh pertambahan bilangan jawatan dalam sektor Pembuatan dan Perkhidmatan. Sementara itu, bilangan jawatan dalam sektor Pertanian, Perlombongan & pengkuarian dan Pembinaan terus menurun. Majoriti jawatan tertumpu dalam sektor Perkhidmatan, merangkumi 51.8 peratus atau 4.442 juta jawatan pada ST1 2022. Pertambahan sebanyak 81.7 ribu jawatan (+1.9%) berbanding suku tahun yang sama pada 2021 berikutan peningkatan jawatan dalam semua subsektor kecuali Kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan. Dua subsektor mencatatkan pertumbuhan positif merekodkan bilangan jawatan melebihi paras prapandemik pada ST4 2019, iaitu Perdagangan borong & runcit dan Pengangkutan & penyimpanan. Berhubung taburan jawatan mengikut subsektor Perkhidmatan, lebih 70 peratus jawatan dalam sektor ini adalah dalam Perdagangan borong & runcit (36.4%); Kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan (20.4%) dan Makanan & minuman dan penginapan (17.8%).


Daripada keseluruhan jawatan dalam sektor Perkhidmatan, jawatan diisi merangkumi 99.4 peratus atau 4.417 juta jawatan merekodkan peningkatan tahunan 1.9 peratus (+83.2 ribu) pada ST1 2022. Semua subsektor mencatatkan kadar 99.0 peratus atau lebih tinggi, dengan kadar tertinggi di sektor Makanan & minuman dan penginapan (99.7%) diikuti oleh Perkhidmatan lain pada 99.6 peratus. Kekosongan bagi sektor Perkhidmatan yang merangkumi 0.6 peratus (25.3 ribu) daripada bilangan jawatan menunjukkan penurunan 5.7 peratus (-1.5 ribu). Kekosongan ini kebanyakannya adalah dalam subsektor Kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan (37.3%) dan Perdagangan borong & runcit (30.4%).

Sementara itu, jawatan dalam sektor Pembuatan merangkumi 27.3 peratus (2.344 juta) daripada keseluruhan jawatan, berada pada kedudukan kedua selepas sektor Perkhidmatan. Sektor ini mencatatkan peningkatan tahun ke tahun sebanyak 3.7 peratus (+83.1 ribu) berikutan pertumbuhan positif dalam semua subsektor. Pertambahan bilangan jawatan tertinggi adalah bagi subsektor Produk elektrik, elektronik & optikal diikuti Produk petroleum, kimia, getah dan plastik dan Peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pembaikan. Ketiga-tiga subsektor ini menyumbang hampir dua per tiga daripada jawatan dalam sektor Pembuatan, iaitu Produk elektrik, elektronik & optikal (26.6%); Produk petroleum, kimia, getah dan plastik (19.0%) dan Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka (15.4%).

Jawatan diisi bagi sektor Pembuatan menyumbang 95.5 peratus daripada bilangan jawatan pada ST1 2022. Perbandingan dari suku sama tahun sebelumnya, bilangan jawatan diisi meningkat 3.6 peratus (+77.8 ribu) kepada 2.237 juta jawatan diisi. Subsektor Produk tekstil, pakaian dan kulit merekodkan kadar jawatan diisi tertinggi (96.4%) manakala Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka di kedudukan kedua dengan sumbangan 95.9 peratus. Merangkumi 4.5 peratus (106 ribu) daripada jumlah jawatan dalam sektor Pembuatan, kekosongan bagi sektor ini meningkat 5.2 peratus (+5.3 ribu) berikutan peningkatan kekosongan di semua subsektor kecuali Produk prosesan makanan, minuman dan produk tembakau. Kebanyakan kekosongan jawatan adalah dalam subsektor Produk elektrik, elektronik & optikal (30.3%), diikuti Produk petroleum, kimia, getah dan plastik (19.4%).

Pada masa yang sama, sektor Pembinaan yang meliputi 14.5 peratus (1.242 juta) daripada bilangan jawatan pada ST1 2022 menurun 1.1 peratus (-13.5 ribu) berbanding suku sama tahun sebelumnya. Kadar jawatan diisi bagi sektor ini adalah 98.2 peratus manakala kadar kekosongan adalah 1.8 peratus. Jawatan bagi sektor Pertanian yang merangkumi 5.4 peratus, menurun 0.2 peratus (-0.8 ribu) kepada 466.8 ribu jawatan pada ST1 2022. Jawatan diisi bagi sektor ini meliputi 93.5 peratus berbanding 6.5 peratus kekosongan. Sementara itu, sumbangan jawatan dalam sektor Perlombongan and pengkuarian adalah paling rendah pada 0.9 peratus (77.6 ribu), mengalami penurunan sebanyak 2.4 peratus (-1.9 ribu). Kadar jawatan diisi bagi sektor ini adalah 99.4 peratus manakala kadar kekosongan 0.6 peratus [Carta 30].

**Carta 30:** Jawatan, jawatan diisi dan kekosongan mengikut aktiviti ekonomi, ST1 2022



Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST1 2022, DOSM




Berkaitan permintaan buruh mengikut tahap kemahiran pada ST1 2022, bilangan jawatan bagi ketiga-tiga kategori kemahiran meningkat berbanding setahun yang lalu begitu juga berbanding dengan suku tahun sebelumnya.

Majoriti jawatan adalah dalam kategori separuh mahir yang menyumbang 62.5% pada ST1 2022. Lima pekerjaan dalam kategori ini adalah Pekerja sokongan perkeranian; Pekerja perkhidmatan dan jualan; Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan; Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan; serta Operator mesin dan loji. Bagi perbandingan tahun ke tahun, sebanyak 91.1 ribu jawatan (1.7%) bertambah berbanding ST1 2021, menjadikan 5.345 juta jawatan separuh mahir. Daripada jumlah ini, sebanyak 98.1 peratus atau 5.242 juta adalah jawatan diisi, di mana meningkat sebanyak 1.7 peratus (+87.6 ribu) berbanding setahun lalu. Pada masa yang sama, bilangan kekosongan bagi kategori separuh mahir turut meningkat 3.6 peratus (+3.5 ribu) kepada 102.2 ribu kekosongan jawatan dengan kadar 1.9 peratus daripada jumlah jawatan.

Pekerjaan mahir yang merangkumi sebanyak 24.7 peratus sejak ST2 2021 meliputi tiga kategori pekerjaan iaitu Pengurus; Profesional; dan Juruteknik dan professional bersekutu. Bilangan jawatan mahir meningkat 2.6 peratus tahun ke tahun, bertambah sebanyak 54.5 ribu jawatan dengan merekodkan 2.117 juta jawatan pada suku ini. Sehubungan itu, bilangan jawatan diisi bagi kategori mahir naik 2.5 peratus (+51.4 ribu) kepada 2.072 juta. Di samping itu, kekosongan jawatan mahir juga meningkat 7.4 peratus (+3.1 ribu) mencatatkan 44.9 ribu kekosongan. Kadar jawatan diisi bagi kategori mahir adalah 97.9 peratus manakala kadar kekosongan 2.1 peratus.

Jawatan dalam kategori berkemahiran rendah yang meliputi 13.0 peratus pada ST1 2022, meningkat 0.3 peratus (+2.9 ribu) kepada 1.111 juta jawatan. Selari dengan itu, bilangan jawatan diisi berkemahiran rendah meningkat 0.3 peratus (+3.0 ribu) kepada 1.074 juta, merekodkan kadar jawatan diisi pada 96.6 peratus. Sebaliknya, bilangan kekosongan jawatan berkemahiran rendah mencatatkan penurunan kecil 0.5 peratus (-0.2 ribu) kepada 37.3 ribu, sekaligus mencatatkan kadar kekosongan 3.4 peratus [**Carta 31**].

**Carta 31:** Jawatan, jawatan diisi dan kekosongan mengikut tahap kemahiran, ST1 2022




Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST1 2022, DOSM

### 3.2 Pewujudan jawatan pada suku pertama 2022

Lanjutan daripada pembukaan berterusan perniagaan pada fasa keempat PPN, bilangan pewujudan jawatan meningkat 48.6 peratus (+8.5 ribu) berbanding suku yang sama tahun sebelumnya bagi merekodkan 25.8 ribu jawatan (ST1 2021: 17.4 ribu). Sebagai rekod, bilangan ini melepasi jumlah jawatan sebelum pandemik iaitu sebanyak 25.2 ribu (ST4 2019). Di samping itu, bilangan ini juga meningkat 23.7 peratus (+4.9 ribu) daripada 20.9 ribu pada ST4 2021 [Carta 32].


**Carta 32:** Pewujudan jawatan, ST1 2019 - ST1 2022



**Sumber:** Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST1 2022, DOSM

Mengikut sektor ekonomi, kesemua sektor mencatatkan pertumbuhan positif tahun ke tahun bagi pewujudan jawatan pada ST1 2022. Sektor Perkhidmatan yang menyumbang komposisi terbesar sebanyak 47.6 peratus, bertambah sebanyak 5.9 ribu bagi mencatatkan 12.3 ribu pewujudan jawatan. Peningkatan dalam sektor ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh subsektor Perdagangan borong & runcit dan Pengangkutan dan penyimpanan. Seterusnya, sektor Pembuatan di kedudukan kedua dengan sumbangan 33.3 peratus daripada bilangan pewujudan jawatan. Pertambahan bagi sektor ini sebanyak 1.2 ribu merekodkan 8.6 ribu pewujudan jawatan, disumbangkan oleh subsektor Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka; dan Produk kayu, perabot, keluaran kertas dan percetakan. Sementara itu, sektor Pembinaan merangkumi 12.9 peratus pewujudan jawatan yang mana bersamaan 3.3 ribu, merekodkan peningkatan 0.5 ribu berbanding suku yang sama tahun sebelumnya. Tambahan pula, bilangan pewujudan jawatan turut meningkat dalam sektor Pertanian dan Perlombongan & pengkuarian, masing-masing merekodkan 1.5 ribu and 0.1 ribu. Bagi perubahan suku tahunan, kesemua sektor merekodkan bilangan pewujudan jawatan yang tinggi berbanding suku tahun sebelumnya [Carta 33].


**Carta 33:** Sumbangan peratus pewujudan jawatan mengikut sektor ekonomi, ST1 2019 - ST1 2022



Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST1 2022, DOSM

Pecahan pewujudan jawatan mengikut tahap kemahiran, bilangan pewujudan jawatan dalam kesemua kategori meningkat bagi tahun ke tahun dan suku ke suku. Kategori separuh mahir yang mencatatkan sumbangan peratus terbesar bagi pewujudan jawatan dengan 58.9 peratus, merekodkan peningkatan sebanyak 4.8 ribu jawatan dari ST1 2021. Kategori mahir yang kedua terbesar meliputi hampir satu per tiga dari keseluruhan pewujudan jawatan (31.1%), merekodkan peningkatan 2.7 ribu kepada 8.0 ribu. Sementara itu, kategori berkemahiran rendah merekodkan 2.6 ribu pewujudan jawatan meliputi sumbangan sebanyak 10.0 peratus, selepas merekodkan peningkatan 0.9 peratus [Carta 34].

**Carta 34:** Pewujudan jawatan mengikut tahap kemahiran, ST1 2019 – ST4 2021




Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST1 2022, DOSM

### 3.3 Iklan kekosongan jawatan dalam talian

Statistik *Job Market Insights* (JMI) yang menggunakan Analitik Data Raya menunjukkan bahawa bilangan kekosongan jawatan yang diiklankan oleh majikan dalam talian mula meningkat pada ST3 2020 dengan peningkatan yang tertinggi direkodkan pada ST3 2021 kepada 192,480 kekosongan jawatan. Bilangan itu kekal tinggi pada ST4 2021 selari dengan peralihan seluruh negara kepada fasa PPN [Carta 35].


**Carta 35:** Bilangan Kekosongan Jawatan atas talian yang diiklankan, ST3 2019 – ST4 2021



**Sumber:** Analitik Data Raya, *Job Market Insights*, Malaysia, ST1 2022, DOSM

Dari perspektif sektor ekonomi, kebanyakan kekosongan dalam talian yang diiklankan adalah dalam sektor Perkhidmatan meliputi 54.8 peratus pada ST4 2021. Walaupun sektor Perkhidmatan mencatatkan sumbangan terbesar dalam kekosongan jawatan yang diiklankan dalam talian, ianya masih belum kembali kepada sekitar 70 hingga 80 peratus yang direkodkan dalam tempoh pra-pandemik. Sementara itu, sumbangan peratus kekosongan jawatan yang diiklankan dalam talian untuk sektor Pembuatan kekal konsisten sepanjang suku tahun 2019 hingga 2021 [Carta 36].


**Carta 33:** Sumbangan kekosongan jawatan atas talian mengikut sektor ekonomi, ST3 2019 – ST4 2021



**Sumber:** Analitik Data Raya, *Job Market Insights*, Malaysia, ST1 2022, DOSM

Bagi kekosongan jawatan yang diiklankan dalam talian mengikut tahap kemahiran, pekerjaan mahir merupakan komposisi yang terbesar. Memasuki tahun 2021, didapati sumbangan peratus dalam kategori mahir menurun kepada 74.0 peratus pada ST4 2021. Majoriti kekosongan jawatan sehingga ST4 2021 disumbangkan oleh pekerjaan Profesional, dengan 43.1 peratus. Ini diikuti oleh kategori Juruteknik dan profesional bersekutu (18.4%) dan Pengurus (12.6%) [Carta 37].

**Carta 37:** Bilangan kekosongan jawatan atas talian mengikut tahap kemahiran, ST3 2019 – ST4 2021



Sumber: Analitik Data Raya, *Job Market Insights*, Malaysia, ST1 2022, DOSM


## 4. PRODUKTIVITI BURUH

### 4.1 Produktiviti buruh, nilai ditambah per jam bekerja pada suku pertama 2022

Lebih banyak sekatan dan SOP berkaitan COVID-19 diberi kelonggaran pada ST1 2022 mengambil kira seluruh negara telah memasuki fasa akhir PPN pada awal 2022. Dengan normalisasi aktiviti sosial dan ekonomi pada suku tersebut, KDNK mengukuh sebanyak 5.0 peratus berbanding suku sama 2021 selepas mencatatkan peningkatan 3.6 peratus pada ST4 2021.

Selari dengan pengembangan ekonomi pada ST1 2022, jumlah jam bekerja pada suku tersebut melonjak 4.6 peratus atau bersamaan dengan pertambahan 396.7 juta jam merekodkan 8.935 bilion jam, melebihi 8.815 bilion yang dicatatkan sebelum pandemik pada ST4 2019. Perbandingan suku tahunan, jumlah jam bekerja terus meningkat pada kadar yang lebih perlahan iaitu 1.8 peratus selepas mencatatkan pertumbuhan kukuh 6.8 peratus pada ST4 2021 [Carta 38].

**Carta 38:** Jumlah jam bekerja, ST1 2019 – ST1 2022




Sumber: Produktiviti Buruh, Malaysia, ST1 2022, DOSM

Selaras dengan tumpuan pekerja yang tinggi dalam sektor Perkhidmatan di samping menjadi penyumbang terbesar kepada ekonomi, sektor ini merangkumi lebih 60 peratus daripada jumlah jam bekerja. Sementara itu, 17 peratus lagi jam bekerja adalah dalam sektor Pembuatan. Kedua-dua sektor ini mencatatkan peningkatan yang lebih tinggi dalam jumlah jam bekerja berbanding suku yang sama tahun sebelumnya. Pertambahan tertinggi sebanyak 5.2 peratus (+272.6 juta jam) direkodkan oleh sektor Perkhidmatan yang mana dua subsektor dengan peningkatan terbesar adalah Perdagangan borong & runcit dan Makanan & minuman dan penginapan. Sementara itu, jumlah jam bekerja dalam sektor Pembuatan melonjak 6.8 peratus (+100.5 juta jam) dengan peningkatan terbesar dalam subsektor Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan, diikuti Produk tekstil, pakaian dan kulit. Sektor Pembinaan turut mencatatkan pertumbuhan lebih tinggi bagi jam bekerja, iaitu sebanyak 2.3 peratus (+18.2 juta jam) berbanding penurunan 1.4 peratus pada ST4 2021.

Walaupun kekal merekodkan pertumbuhan positif, dua lagi sektor iaitu Pertanian dan Perlombongan & pengkuarian menunjukkan peningkatan jam bekerja yang lebih perlahan berbanding ST1 2021 iaitu masing-masing pada 0.4 peratus dan 3.9 peratus [Carta 39].


**Carta 39:** Peratus perubahan jumlah jam bekerja mengikut sektor ekonomi, ST4 2021 & ST1 2022



**Sumber:** Produktiviti Buruh, Malaysia, ST1 2022, DOSM

Secara keseluruhannya, produktiviti buruh seperti yang diukur melalui nilai ditambah per jam bekerja mencatatkan pertumbuhan marginal 0.3 peratus pada ST1 2022, menyumbang kepada nilai sebanyak RM40.3 per jam [Carta 40].

**Carta 40:** Produktiviti buruh per jam bekerja, ST1 2019 – ST1 2022



**Sumber:** Produktiviti Buruh, Malaysia, ST1 2022, DOSM

Perincian produktiviti buruh per jam bekerja mengikut sektor ekonomi, Perkhidmatan merupakan satu-satunya sektor yang menunjukkan pertumbuhan positif nilai ditambah per jam bekerja dengan mencatatkan peningkatan 1.2 peratus pada ST1 2022. Pertumbuhan tertinggi direkodkan oleh subsektor Pengangkutan dan penyimpanan (21.7%), diikuti oleh subsektor Makanan & minuman dan penginapan (14.6%), Hartanah dan perkhidmatan perniagaan (6.2%) dan Perkhidmatan lain (2.6%).

Selepas mencatatkan peningkatan selama dua suku tahun berturut-turut, produktiviti buruh per jam bekerja bagi sektor Pembuatan jatuh 0.1 peratus. Walaupun penurunan dilihat dalam kebanyakan subsektor, tiga subsektor mengekalkan pertumbuhan positif iaitu Produk elektrik, elektronik dan optikal (8.0%), Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka (3.3%) dan Produk kayu, perabot, keluaran kertas dan percetakan (0.4%).



Dalam pada itu, nilai ditambah per jam bekerja di sektor Pembinaan yang berada dalam trend menurun sejak ST1 2020 mencatatkan penyusutan 8.2 peratus pada ST1 2022. Sektor Perlombongan & pengkuarian turut merekodkan penguncupan 4.8 peratus, manakala Pertanian mencatatkan penurunan kecil 0.2 peratus [**Jadual 3**].

**Jadual 3:** Produktiviti buruh per jam bekerja, nilai ditambah & jumlah jam bekerja, ST1 2022, perubahan peratus dari suku sama tahun sebelumnya (%)


Aktiviti Ekonomi	Produktiviti buruh per jam bekerja	Nilai ditambah	Jumlah jam bekerja
<b>Pertanian</b>	<b>-0.2</b>	<b>0.2</b>	<b>0.4</b>
<b>Perlombongan &amp; pengkuarian</b>	<b>-4.8</b>	<b>-1.1</b>	<b>3.9</b>
<b>Pembuatan</b>	<b>-0.1</b>	<b>6.6</b>	<b>6.8</b>
Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan	-6.7	5.0	12.5
Minuman dan produk tembakau	-0.2	5.9	6.1
Produk tekstil, pakaian dan kulit	-3.8	4.8	8.9
Produk kayu, perabot, keluaran kertas dan percetakan	0.4	6.6	6.2
Produk petroleum, kimia, getah dan plastik	-4.6	-0.5	4.3
Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka	3.3	5.3	1.9
Produk elektrik, elektronik dan optikal	8.0	15.4	6.8
Peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pembaikan	-4.8	2.3	7.5
<b>Pembinaan</b>	<b>-8.2</b>	<b>-6.2</b>	<b>2.3</b>
<b>Perkhidmatan</b>	<b>1.2</b>	<b>6.5</b>	<b>5.2</b>
Utiliti	-1.4	3.4	4.9
Perdagangan borong dan runcit	-2.6	4.0	6.8
Makanan & minuman dan penginapan	14.6	24.2	8.4
Pengangkutan dan penyimpanan	21.7	25.8	3.4
Maklumat dan komunikasi	-0.2	6.3	6.5
Kewangan dan insurans	-1.8	-1.0	0.8
Hartanah dan perkhidmatan perniagaan	6.2	9.5	3.1
Perkhidmatan lain	2.6	6.3	3.6
<b>Jumlah</b>	<b>0.3</b>	<b>5.0</b>	<b>4.6</b>

Sumber: Produktiviti Buruh, Malaysia, ST1 2022, DOSM

## 4.2 Produktiviti buruh, nilai ditambah per pekerja pada suku pertama 2022

Sejajar dengan pembukaan semula aktiviti sosial dan ekonomi secara berterusan pada ST1 2022, pekerja mengekalkan pertumbuhan positif dengan mencatatkan pertumbuhan tahun ke tahun 2.2 peratus kepada 15.58 juta orang. Perbandingan suku tahunan, selepas merekodkan pertumbuhan 1.1 peratus pada ST4 2021, bilangan pekerja naik 0.9 peratus pada ST1 2022 [Carta 41].

**Carta 41:** Pekerja, ST1 2019 – ST1 2022




**Sumber:** Produktiviti Buruh, Malaysia, ST1 2022, DOSM

Bilangan pekerja yang lebih tinggi pada ST1 2022 disumbangkan oleh pertambahan pekerja dalam tiga sektor ekonomi iaitu Perkhidmatan, Pembuatan dan Perlombongan & pengkuarian. Sektor Perkhidmatan mencatatkan peningkatan 2.8 peratus (+263.5 ribu) kepada 9.56 juta orang yang mana kebanyakan subsektor merekodkan pertambahan pekerja berbanding ST1 2021. Peningkatan terbesar bilangan pekerja direkodkan oleh subsektor Perdagangan borong & runcit diikuti oleh Makanan & minuman dan penginapan. Namun, pekerja dalam subsektor Kewangan dan insurans kekal dalam trend menurun sejak ST2 2021.

Pekerja dalam sektor Pembuatan yang terus mencatatkan peningkatan tahun ke tahun sejak ST1 2021, naik 3.7 peratus (+97.6 ribu) merekodkan 2.71 juta pada ST1 2022. Semua subsektor Pembuatan mencatatkan bilangan pekerja yang lebih tinggi berbanding suku sama tahun sebelumnya. Kenaikan terbesar dicatatkan oleh subsektor Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan, diikuti Produk elektrik, elektronik, dan optikal, dan Produk tekstil, pakaian dan kulit.

Bagi sektor Perlombongan & pengkuarian, selepas merekodkan pertumbuhan dua digit dalam bilangan pekerja pada ST4 2021, ia meningkat sebanyak 2.6 peratus (+1.9 ribu) kepada 76.8 ribu orang pada ST1 2022. Sementara itu, pekerja terus merekodkan kejatuhan dalam sektor Pertanian (-0.8%) dan Pembinaan (-0.6%) berbanding suku sama tahun 2021 [Carta 42].


**Carta 42:** Peratus perubahan pekerja mengikut sektor ekonomi, ST4 2021 & ST1 2022



Sumber: Produktiviti Buruh, Malaysia, ST1 2022, DOSM

Dengan ekonomi mencatatkan pertumbuhan lebih tinggi berbanding pekerja, telah menyumbang kepada produktiviti buruh yang diukur sebagai nilai ditambah per pekerja merekodkan pertumbuhan lebih baik sebanyak 2.7 peratus kepada RM23,129 per pekerja pada ST1 2022 [Carta 43].

**Carta 43:** Produktiviti buruh per pekerja, ST1 2019 – ST1 2022



Sumber: Produktiviti Buruh, Malaysia, ST1 2022, DOSM

Melihat kepada produktiviti buruh per pekerja mengikut sektor ekonomi, sektor Perkhidmatan mencatatkan peningkatan tahun ke tahun yang lebih kukuh sebanyak 3.6 peratus pada ST1 2022 berikutan pertumbuhan positif dalam kebanyakan subsektor kecuali Perdagangan borong & runcit (-0.9%) dan Kewangan dan insurans (-0.3%). Dua subsektor merekodkan peningkatan dua digit nilai ditambah per pekerja iaitu Pengangkutan dan penyimpanan (25.2%) dan Makanan & minuman dan penginapan (19.6%).

Prestasi produktiviti buruh dalam sektor Pembuatan menyederhana kepada 2.8 peratus pada ST1 2022 selepas mencatatkan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 5.3 peratus pada suku sebelumnya. Produk elektrik, elektronik dan optikal mencatatkan pertumbuhan tertinggi 10.6 peratus, diikuti oleh Produk kayu, perabot, keluaran kertas dan percetakan (4.4%) dan Minuman dan produk tembakau (4.3%). Sementara itu, selepas merekodkan pertumbuhan positif berterusan

sejak ST4 2020, subsektor Produk petroleum, kimia, getah dan plastik mencatatkan penurunan 3.0 peratus pada ST1 2022.

Pada suku ini, nilai ditambah per pekerja dalam sektor Pertanian turut mencatatkan pertumbuhan tahun ke tahun yang lebih kecil sebanyak 1.0 peratus. Manakala, pertumbuhan negatif yang lebih perlahan dicatatkan oleh dua lagi sektor iaitu Pembinaan (-5.5%) dan Perlombongan & pengkuarian (-3.6%) [Jadual 4].

**Jadual 4:** Produktiviti buruh per pekerja, nilai ditambah & jumlah pekerja, ST1 2022, perubahan peratus dari suku sama tahun sebelumnya (%)

Aktiviti Ekonomi	Produktiviti buruh per pekerja	Nilai ditambah	Jumlah pekerja
<b>Pertanian</b>	<b>1.0</b>	<b>0.2</b>	<b>-0.8</b>
<b>Perlombongan &amp; pengkuarian</b>	<b>-3.6</b>	<b>-1.1</b>	<b>2.6</b>
<b>Pembuatan</b>	<b>2.8</b>	<b>6.6</b>	<b>3.7</b>
Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan	-0.5	5.0	5.5
Minuman dan produk tembakau	4.3	5.9	1.5
Produk tekstil, pakaian dan kulit	-1.0	4.8	5.9
Produk kayu, perabot, keluaran kertas dan percetakan	4.4	6.6	2.1
Produk petroleum, kimia, getah dan plastik	-3.0	-0.5	2.6
Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka	3.3	5.3	1.9
Produk elektrik, elektronik dan optikal	10.6	15.4	4.3
Peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pembaikan	-1.7	2.3	4.0
<b>Pembinaan</b>	<b>-5.5</b>	<b>-6.2</b>	<b>-0.6</b>
<b>Perkhidmatan</b>	<b>3.6</b>	<b>6.5</b>	<b>2.8</b>
Utiliti	2.3	3.4	1.1
Perdagangan borong dan runcit	-0.9	4.0	4.9
Makanan & minuman dan penginapan	19.6	24.2	3.9
Pengangkutan dan penyimpanan	25.2	25.8	0.5
Maklumat dan komunikasi	1.7	6.3	4.5
Kewangan dan insurans	-0.3	-1.0	-0.7
Hartanah dan perkhidmatan perniagaan	8.7	9.5	0.7
Perkhidmatan lain	4.2	6.3	2.0
<b>Jumlah</b>	<b>2.7</b>	<b>5.0</b>	<b>2.2</b>

Sumber: Produktiviti Buruh, Malaysia, ST1 2022, DOSM

## 5. MENUJU KE HADAPAN

### COVID-19: Asas dalam merubah pekerjaan masa depan

---

Usaha membanteras COVID-19 telah menyaksikan cabaran yang besar serta meninggalkan kesan jangka panjang kepada masyarakat global. Kehilangan nyawa dan kesan kesihatan berpanjangan merupakan antara impak utama virus ini. Tambahan pula, kedudukan ekonomi turut terkesan berikutan penutupan sempadan antarabangsa dan domestik serta sekatan aktiviti sosial dan ekonomi. Sehubungan itu, KDNK dunia menguncup 3.1 peratus berbanding pertumbuhan positif 2.9 peratus yang dicatatkan pada 2019<sup>3</sup>. Dengan kebanyakan perniagaan terpaksa memilih untuk mengurangkan waktu perniagaan atau terus menghentikan operasi berikutan tindakan pencegahan dan kawalan kesihatan pada tahun 2020, jam bekerja diperingkat global berkurang sebanyak 8.8 peratus atau bersamaan 255 juta pekerjaan sepenuh masa. Malaysia juga tidak terkecuali yang mana ekonomi negara menyusut 5.5 peratus pada tahun 2020, susulan pelaksanaan pelbagai tindakan bagi mengekang penularan pandemik. Pada tahun tersebut, penduduk bekerja menurun 0.8 peratus kepada 15.0 juta orang. Seterusnya, bilangan penganggur melonjak secara drastik sebanyak 39.9 peratus, sebahagian besarnya disebabkan peningkatan pemberhentian pekerja serta pengurangan peluang pekerjaan. Justeru, kadar pengangguran meningkat kepada 4.5 peratus, mencatatkan kadar lebih daripada 4 peratus buat pertama kalinya sejak 1993.

Memasuki tahun ketiga berdepan dengan pandemik, situasi kesihatan global yang lebih baik dapat diperhatikan. Walaupun dengan peningkatan bilangan jangkitan harian di seluruh dunia, bilangan kematian pada tahun 2022 semakin berkurang berikutan inisiatif menjamin akses yang adil dan sama rata kepada vaksin COVID-19. Dari segi ekonomi, IMF menjangkakan bahawa pemulihan ekonomi global akan berterusan di mana KDNK diramalkan berkembang sebanyak 4.4 peratus pada tahun 2022<sup>4</sup>. Sementara itu, prospek pasaran buruh global kekal suram dengan *International Labour Organization* (ILO) mengunjurkan bahawa jumlah jam bekerja global pada tahun 2022 kekal hampir dua peratus di bawah paras prapandemik, bersamaan dengan kurangan 52 juta pekerjaan sepenuh masa. Di samping itu, ILO juga menyatakan bahawa pengangguran global diunjurkan berada pada 207 juta pada tahun 2022, melebihi sekitar 21 juta dari bilangan pada 2019<sup>5</sup>. KDNK tahunan Malaysia bagi tahun 2022 diramal berkembang antara 5.3 peratus hingga 6.3 peratus manakala pengangguran diunjur berkurang kepada 4.0 peratus pada 2022<sup>6</sup>. Sehingga ST1 2022, ekonomi negara mengukuh sebanyak 5.0 peratus manakala kadar pengangguran menurun kepada 4.1 peratus. Prestasi yang memberangsangkan pada suku pertama tahun ini menunjukkan bahawa negara berada di landasan yang tepat ke arah pemulihan mengambil kira tidak terjejas oleh sebarang gangguan atau ketidaktentuan.

Walaupun WHO menasihatkan supaya COVID-19 tidak dianggap sebagai pandemik pada ketika ini<sup>7</sup>, lebih banyak negara semakin optimis dalam peralihan ke endemik berikutan situasi kesihatan yang lebih mudah diramal dan diurus. Negara jiran Malaysia iaitu Singapura merupakan antara negara Asia yang terawal merancang strategi untuk hidup bersama COVID-19 pada awal tahun 2021. Namun, rancangan tersebut ditangguhkan apabila varian Delta

<sup>3</sup> International Monetary Fund. (2022, April). World Economic and Financial Surveys: World Economic Outlook Database. Retrieved from World Economic Outlook Database: <https://www.imf.org/en/Publications/WEO/weo-database/2022/April/download-entire-database>

<sup>4</sup> International Monetary Fund. (April 2022). World Economic Outlook Update. Washington, DC

<sup>5</sup> ILO. (2022). World Employment and Social Outlook: Trends 2022. Geneva. Retrieved from ILO: [https://www.ilo.org/global/research/global-reports/weso/trends2022/WCMS\\_834081/lang--en/index.htm](https://www.ilo.org/global/research/global-reports/weso/trends2022/WCMS_834081/lang--en/index.htm)

<sup>6</sup> Central Bank of Malaysia. (2022). Economic and Monetary Review 2021. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia

<sup>7</sup> Reuters. (2022, January 11). WHO warns against treating Covid-19 like flu. Retrieved from Reuters: <https://www.reuters.com/business/healthcare-pharmaceuticals/who-warns-against-treating-covid-19-like-flu-2022-01-11/>

melanda seluruh Asia Tenggara pada pertengahan 2021. Berikutan situasi yang bertambah baik, negara ini telah mula melaksanakan pelbagai tindakan pelonggaran domestik dan antarabangsa; di samping membenarkan 75 peratus pekerja yang bekerja dari rumah untuk kembali ke pejabat serta mempertingkatkan saiz aktiviti berkumpulan daripada lima kepada 10 orang. Berdasarkan COVID-19 *Stringency Indeks*<sup>8</sup> yang dibangunkan oleh Universiti Oxford, Mongolia berada di kedudukan pertama negara yang melonggarkan sekatan COVID-19 seawal Januari 2021<sup>9</sup>, sembilan bulan selepas COVID-19 dikesan. Antara tindakan normalisasi negara ini adalah pembukaan semula sekolah dan tempat kerja serta pembukaan sepenuhnya sempadan antarabangsa tanpa memerlukan ujian COVID-19 semasa ketibaan atau kuarantin selepas ketibaan. Sementara itu, United Kingdom dan Portugal merupakan antara negara yang kurang tegas dari segi tindak balas kerajaan terhadap pandemik. Portugal - yang mempunyai kadar vaksinasi tertinggi di Eropah<sup>10</sup> telah menarik balik sekatan terhadap perhimpunan berskala besar ketika rakyat negara tersebut memulakan kehidupan bersama COVID-19. Untuk rekod, Malaysia berada di kedudukan ke-140 dalam COVID-19 *Stringency Indeks* yang mencerminkan komitmen dalam melindungi rakyat daripada risiko COVID-19.

Malaysia memulakan langkah menuju endemik apabila negara mengumumkan fasa peralihan ke endemik pada 1 April 2022. Peralihan ini merupakan strategi keluar dari pandemik dengan membenarkan penduduk kembali ke kehidupan yang hampir normal setelah lebih dari dua tahun menangani COVID-19. Seiring dengan peralihan ini, sempadan antarabangsa telah dibuka semula dan lebih banyak SOP telah dilonggarkan termasuk kebenaran untuk perniagaan beroperasi semula seperti biasa serta kebenaran untuk tidak memakai pelitup muka di kawasan terbuka. Pembukaan semula sempadan antarabangsa telah memberi peluang kepada industri berkaitan pelancongan di Malaysia selepas dua tahun mengalami kerugian. Sehubungan itu, selepas memberhentikan operasi berikutan tiada permintaan, perniagaan berkaitan pelancongan mungkin perlu membuat pelaburan kos operasi dalam menyambung semula perniagaan, termasuk menaik taraf serta mengambil semula pekerja. Dalam hubungan ini, perniagaan perlu memilih penyelesaian yang paling kos efektif bagi memastikan keupayaan untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat.

Terdapat hikmah dan peluang di sebalik semua impak negatif pandemik ini. Berbanding memilih untuk kembali kepada keadaan sebelum pandemik, negara berada di persimpangan yang boleh membawa kepada penambahbaikan dalam struktur pasaran buruh dan selanjutnya memacu peralihan ke arah ekonomi bernilai tambah tinggi. Aspek positif dalam normal baharu boleh diterap dan dikekalkan dalam menjalankan aktiviti perniagaan. Contohnya adalah peralihan kepada aturan waktu kerja yang lebih fleksibel termasuk bekerja secara jarak jauh selari dengan peningkatan kebergantungan kepada teknologi dan automasi. Perkembangan ini juga diharap dapat memacu Revolusi Industri 4.0, di mana automasi menjadi sebahagian ciri penting dalam ekonomi yang seterusnya akan mendorong pewujudan lebih banyak pekerjaan mahir bagi pengisian oleh para graduan yang semakin ramai di negara ini. Selain daripada mengadaptasi penggunaan teknologi pendigitalan, kita boleh merebut peluang ini untuk bergerak ke arah automasi dan mengurangkan kebergantungan kepada buruh kasar. Dari satu sudut, kekurangan pekerja mungkin berlaku memandangkan mereka yang hilang pekerjaan dalam sesuatu industri telah bergerak ke industri yang mempunyai peluang pekerjaan. Di samping itu, perubahan strategi perniagaan juga akan menyebabkan pewujudan peluang pekerjaan. Ini secara tidak langsung membuka lebih banyak peluang pekerjaan dalam kalangan pencari kerja demi kelangsungan hidup serta peralihan ke pekerjaan wajar.

<sup>8</sup> The stringency index is a composite measure based on nine response indicators including school closures, workplace closures, and travel bans, rescaled to a value from 0 to 100 (100 = strictest).

<sup>9</sup> Xinhua. (2021, January 2021). Feature: Mongolian business owners glad to see lockdown measures ease in capital. Retrieved from Xinhuanet News Asia & Pacific: [http://www.xinhuanet.com/english/asiapacific/2021-01/11/c\\_139659199.htm](http://www.xinhuanet.com/english/asiapacific/2021-01/11/c_139659199.htm)

<sup>10</sup> <https://coronavirus.jhu.edu/vaccines/international>

Perubahan dalam permintaan sejak pandemik juga memberi ruang kepada perniagaan dalam memperoleh momentum pemulihan. Model perniagaan yang lebih mampan dan berdaya tahan boleh dipertimbangkan, termasuk memanfaatkan teknologi dan model perkongsian sumber (*crowdsourcing*). Oleh itu, latihan semula dan peningkatan kemahiran pekerja yang berterusan juga harus dipertimbangkan dalam merangsang semula pasaran buruh Malaysia.

Di samping itu, krisis ini telah meningkatkan kesedaran sosial terhadap komuniti yang terpinggir dan mempertingkatkan sokongan terhadap perniagaan tempatan. Mengambil kira perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) meliputi 97.4 peratus entiti perniagaan di Malaysia, penyelesaian ideal iaitu jaringan kerjasama dengan pertubuhan bersaiz besar dapat membantu meningkatkan hasil dan mengurangkan kos operasi PMKS. Tidak dapat dinafikan bahawa peralihan struktur adalah satu perkara yang besar dan kompleks yang memerlukan komitmen keseluruhan kitaran pasaran buruh dan ekonomi iaitu industri, komuniti dan kerajaan. Namun, usaha ini selaras dengan inisiatif strategik yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 dengan aspirasi menjadi negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2025.



## 6. KESIMPULAN

Memandangkan seluruh negara berada dalam fasa akhir PPN sejak Januari 2022, pasaran buruh Malaysia pada ST1 2022 bertambah baik berbanding suku sama tahun 2021. Melihat kepada kedudukan penawaran buruh pada ST1 2022, guna tenaga terus mencatatkan pertumbuhan tahun ke tahun manakala pengangguran turun kepada bilangan dan kadar paling rendah sejak pandemik bermula pada ST1 2020. Meskipun mencatatkan penurunan, situasi pengangguran masih belum kembali ke bilangan dan kadar purata yang direkodkan sebelum pandemik. Pembukaan semula lebih banyak aktiviti perniagaan dan sosial dengan kapasiti penuh menyumbang kepada peningkatan jumlah jam bekerja pada ST1 2022. Pada suku tersebut, permintaan buruh oleh industri yang diukur oleh bilangan jawatan terus merekodkan trend peningkatan sejajar dengan pengembangan ekonomi global dan domestik. Peluang pekerjaan seperti ditunjukkan oleh bilangan kekosongan kekal tinggi walaupun merekodkan pertambahan tahunan yang lebih rendah berbanding ST4 2021. Di samping itu, lebih banyak pewujudan jawatan pada ST1 2022 berbanding suku yang sama tahun lalu dengan bilangannya melebihi paras prapandemik. Dari segi kecekapan pasaran buruh, kedua-dua pengukuran produktiviti buruh iaitu nilai ditambah per pekerja dan nilai ditambah per jam bekerja mencatatkan peningkatan berbanding suku sama tahun sebelumnya. Kedudukan pasaran buruh juga bertambah baik dari suku terdahulu, walaupun pada kadar yang lebih perlahan berbanding perubahan tahunan.

Melangkah ke suku kedua tahun ini, negara telah memasuki fasa peralihan ke endemik sejak 1 April 2022. Antara lain, ini melibatkan pelonggaran beberapa lagi sekatan termasuk pembukaan semula sempadan antarabangsa negara. Tambahan pula, kebenaran pengeluaran khas sebanyak RM10,000 diberikan untuk pencaerum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dibenarkan bagi meringankan beban mereka yang masih terkesan akibat pandemik COVID-19. Perkembangan ini bertepatan dengan sambutan ibadah puasa Ramadan yang jatuh pada bulan April diikuti sambutan Aidilfitri pada Mei. Aliran trafik yang lebih tinggi juga diperhatikan memandangkan orang ramai memanfaatkan cuti panjang pada awal bulan Mei untuk menganjurkan pelbagai aktiviti sosial, mengunjungi destinasi pelancongan domestik serta menikmati juadah menarik di restoran, kedai makan dan pusat penjaja di seluruh negara.

Dengan normalisasi aktiviti sosial dan ekonomi sepanjang ST2 2022, dijangka akan merangsang kedudukan pasaran buruh pada suku tersebut dari segi peningkatan permintaan oleh industri dan penurunan berterusan pengangguran. Walau bagaimanapun, prospek tersebut tertakluk kepada pelbagai cabaran ekonomi global termasuk ketegangan geopolitik berterusan antara Rusia dan Ukraine.



**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**

## Pengenalan

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) global pada harga malar mencatatkan pertumbuhan tahunan antara 3.3 peratus dan 3.7 peratus bagi tempoh 2012 hingga 2018 serta kekal positif meskipun berkembang pada kadar yang lebih perlahan iaitu 2.9 peratus pada 2019 (*International Monetary Fund* (IMF), 2022). Berikutan situasi luar jangka krisis kesihatan awam pada 2020, ekonomi dunia merosot 3.1 peratus pada tahun tersebut. Selepas itu, ekonomi global kembali pulih 6.0 peratus pada 2021 terutamanya berbanding asas yang rendah pada tahun sebelumnya.

Walaupun paras KDNK dunia telah melepasi prapandemik pada 2019, sebahagian rantau masih belum kembali pulih manakala yang lain dalam tempoh pemulihan. Pertumbuhan ekonomi yang pelbagai antara rantau dan negara adalah disebabkan oleh pelbagai faktor termasuk, tetapi tidak terhad kepada potensi penuh buruh dalam pengeluaran ekonomi. Menurut *United Nations Statistics Division* (UNSD), (2021), produktiviti buruh per pekerja peringkat global yang diukur sebagai purata output bagi setiap pekerja telah meningkat secara beransur-ansur sejak tahun 2000, dengan pertumbuhan terganggu seketika semasa Krisis Kewangan Global 2009. Produktiviti buruh dunia mencatatkan pertumbuhan tahunan sebanyak 1.6 peratus pada 2018 dan menyederhana kepada 1.4 peratus pada 2019. Berikutan kejatuhan output yang lebih besar berbanding pengurangan pekerja ketika krisis COVID-19 melanda, pertumbuhan produktiviti buruh pada 2020 jatuh sebanyak 0.9 peratus (*Conference Board*, 2021).

Menurut *International Labour Organization* (ILO) (2015), penetapan upah minimum boleh mengurangkan perbezaan pendapatan, meningkatkan produktiviti buruh dan sebagai pulangan ia menyalurkan keuntungan produktiviti kepada gaji yang lebih tinggi. Dalam hal ini, pertumbuhan produktiviti buruh, dalam jangka masa panjang, dizahirkan dalam perubahan kepada upah benar. Menjadi lebih produktif pada dasarnya menunjukkan bahawa pekerja dapat melakukan lebih banyak dalam jangka masa yang sama. Ini seterusnya memberi ruang untuk aset atau input digunakan bagi perkara lain. Oleh itu, salah satu matlamat yang diperkenalkan dalam Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030 adalah Matlamat 8 iaitu untuk “mempromosikan pertumbuhan ekonomi mampan yang inklusif & lestari, guna tenaga penuh & produktif serta pekerjaan wajar untuk semua”. Memandangkan ekonomi berjalan di bawah sistem yang diterajui upah, meningkatkan output global bagi setiap pekerja mungkin dapat meningkatkan taraf hidup dan selanjutnya mengurangkan fenomena “*working poor*”. Dalam hal ini, ia secara tidak langsung menyumbang kepada pencapaian Matlamat 1 SDG iaitu “menamatkan semua jenis kemiskinan di seluruh dunia”.

Dengan menjajarkan fokus kepada agenda global, dokumen pelan strategik lima tahun Malaysia yang terkini iaitu Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) telah memberi penekanan kepada sasaran terpilih ke arah pembaharuan pasaran buruh sebagai pemangkin untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang 2025. Ini termasuk mempertingkatkan penengah bulanan Gaji & Upah kepada RM2,900, memastikan 40 peratus sumbangan Pampasan Pekerja (CE) kepada KDNK serta meningkatkan pertumbuhan produktiviti buruh per pekerja kepada 3.6 peratus dalam tempoh lima tahun. Walaupun negara telah berada di landasan yang tepat ke arah merealisasikan sebahagian besar sasarannya, terdapat beberapa kemajuan yang telah terjejas oleh kerana pandemik yang berlaku pada 2020.

Mengambil kira pelbagai idea yang kompleks mengenai upah benar dan produktiviti buruh dalam memacu ekonomi, artikel ini bertujuan untuk mendapatkan pemahaman mengenai hubungan antara upah benar dan produktiviti buruh di Malaysia dengan memanfaatkan ketersediaan statistik rasmi pasaran buruh.

## Sorotan Kajian

Perkaitan antara upah dan produktiviti pada dasarnya dijelaskan oleh hubungan antara pekerja dan majikan. Pekerja menyumbang kepada proses pengeluaran dengan memberi input buruh seperti kemahiran, idea dan buruh manual untuk menghasilkan barangan dan perkhidmatan. Jumlah nilai ditambah yang dijana oleh pekerja biasanya dirujuk sebagai produktiviti buruh. Sebagai pulangan kepada input mereka, pekerja diberi ganjaran dalam bentuk upah. Sehubungan itu, upah yang diperoleh oleh pekerja harus mencerminkan produktiviti mereka; atau dari perspektif lain produktiviti buruh pekerja harus sepadan dengan upah yang dibayar. Dalam hal ini, Cruz (2022) menyatakan bahawa terdapat dua pendekatan untuk menentukan hubungan produktiviti buruh dan upah benar di mana satu boleh menggerakkan yang lain dalam kedua-dua arah. Seperti yang diperhatikan oleh Cruz (2022), pendekatan pertama adalah seiring dengan teori produktiviti marginal yang menunjukkan bahawa upah benar mungkin disebabkan oleh produktiviti buruh. Sebaliknya, pendekatan lain yang disampaikan bahawa produktiviti buruh mungkin dipengaruhi oleh perubahan dalam upah benar adalah selaras dengan teori upah kecekapan (Cruz, 2022).

Produktiviti buruh lazimnya dikenali sebagai nilai output yang dihasilkan bagi setiap unit input buruh yang mencerminkan kecekapan penggunaan buruh dalam pengeluaran barangan dan perkhidmatan (Katovich & Maia, 2018; Brill et al., 2017; Feldstein, 2008). Menurut Goh & Wong (2010), teori produktiviti marginal menetapkan bahawa upah ditentukan oleh produktiviti pekerja. Memandangkan kenaikan upah akan peningkatan kos buruh, peralihan kepada modal dapat mengembangkan produktiviti marginal dan seterusnya menyumbang kepada upah benar lebih tinggi. Oleh itu, teori produktiviti marginal berpendapat bahawa produktiviti mempengaruhi upah benar (Goh & Wong; 2010). Karaalp-Orhan (2017) juga percaya bahawa produktiviti pekerja akan meningkat selaras dengan usaha yang diberikan oleh pekerja dalam mengekalkan pekerjaan dan seterusnya mempertingkatkan kecekapan. Sementara itu, teori upah kecekapan percaya bahawa upah mempengaruhi produktiviti memandangkan pekerja dibayar lebih tinggi dari upah keseimbangan bagi menggalakkan produktiviti atau kecekapan; justeru, menjamin pengekalan pekerja yang paling cekap dan berkemahiran (Basri et al., 2018; Goh & Wong, 2010).

Walaupun pelbagai faktor luaran boleh mempengaruhi senario produktiviti buruh dan upah yang dinamik, kajian mengenai hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah telah dilaksanakan di pelbagai negara. Seiring dengan teori upah kecekapan, satu kajian oleh Klein (2012) menemui hubungan yang signifikan antara upah dan produktiviti buruh di Afrika Selatan yang mana peningkatan upah menyebabkan produktiviti yang lebih tinggi. Lebihan upah benar menyumbang kepada dengan pertumbuhan pekerjaan di negara tersebut dan mendorong peralihan daripada pekerjaan tidak formal kepada pekerjaan formal (Klein, 2012). Begitu juga, dengan melaksanakan analisis ujian penyebab Granger bagi industri pembuatan di Tanzania, Islam et al. (2015) juga mendapati bahawa upah benar mempunyai kesan yang signifikan terhadap produktiviti sektor pembuatan negara tersebut.

Sementara itu, Katovich dan Maia (2018) mendapati bahawa peningkatan produktiviti pekerja di Brazil adalah setara dengan kenaikan upah benar dan peningkatan kualiti pekerjaan dalam sektor pertanian dan perdagangan. Penemuan ini selari dengan teori produktiviti marginal iaitu upah benar dipengaruhi oleh produktiviti. Sejar dengan itu, kajian oleh Herman (2020) menggunakan analisis korelasi dan regresi mendapati bahawa produktiviti buruh mempunyai kesan positif terhadap upah dalam sektor pembuatan Romania dari 2008 hingga 2016. Herman (2020) berpendapat bahawa sebagai tindak balas kepada insentif yang tinggi oleh majikan akan mendorong menggalakkan pekerja untuk mempertingkatkan output dan seterusnya merangsang momentum pertumbuhan produktiviti.

Selaras dengan penemuan ini, kebanyakan ekonomi membangun melaksanakan atau menaikkan upah minimum untuk melindungi pekerja yang berada di peringkat terendah skala upah terutamanya segmen pekerjaan berkemahiran rendah yang kurang berpendidikan (Dabee & Ragoobur, 2022). Sejar dengan itu, Islam et al. (2015) percaya bahawa dalam jangka masa panjang, kenaikan gaji yang setara dengan prestasi produktiviti dapat memastikan peningkatan pendapatan boleh guna isi rumah dan seterusnya mempengaruhi kuasa beli.

Bertentangan dengan kajian lain yang menunjukkan dua jenis hubungan antara upah dan produktiviti buruh, Trpeski et al. (2016) mendapati bahawa produktiviti buruh tidak mempunyai kesan ke atas upah bersih benar di Macedonia dalam tempoh krisis kewangan dan ekonomi yang besar pada tahun 2007 dan selepas itu. Walaupun terdapat pertumbuhan kecil secara berterusan sepanjang tempoh tersebut, ia bukan dipengaruhi oleh peningkatan produktiviti buruh tetapi disumbang oleh faktor lain (Trpeski et al., 2016).

## **Metodologi**

Kajian ini menggunakan statistik rasmi siri masa yang disusun oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), dengan statistik tahunan mulai 2011 serta statistik suku tahunan sejak 2015. Statistik rasmi untuk capaian umum yang diterbitkan oleh DOSM telah digunakan sementara beberapa statistik telah dikira oleh penulis berdasarkan sumber data asal. Di samping itu, penulis telah melaksanakan sorotan kajian berdasarkan artikel jurnal, laporan dan kertas kerja dari laman sesawang yang mendokumenkan maklumat tersebut untuk sebaran. Sumber-sumber ini dianggap sebagai data sekunder.

Statistik gaji & upah adalah disumberkan daripada Laporan Survei Gaji & Upah berdasarkan ketersediaan data dari 2010 hingga 2020. Survei ini dilaksanakan menggunakan pendekatan isi rumah meliputi pekerja bergaji sepenuh masa dalam pekerjaan utama di sektor swasta dan awam. Gaji & upah dalam laporan tersebut terdiri daripada gaji pokok, elaun sara hidup dan lain-lain elaun tetap dan berkala dalam bentuk tunai atau mata benda serta bayaran kerja lebih masa. Untuk mengkaji situasi bagi sektor Perkhidmatan dan Pembuatan, purata gaji & upah yang dibayar telah dikira oleh penulis berdasarkan statistik yang diterbitkan masing-masing dalam Statistik Pembuatan Bulanan dan Statistik Perkhidmatan Suku Tahunan. Statistik upah nominal ditukar kepada upah benar, atau juga dikenali sebagai upah pelarasan inflasi menggunakan perubahan tahunan Indeks Harga Pengguna (IHP) (Islam et al., 2015). Perubahan adalah perlu untuk menentukan kuasa beli yang mutlak bagi individu kepada jumlah barangan atau perkhidmatan berdasarkan keadaan pasaran semasa. Dalam erti kata lain, ia juga boleh ditakrifkan sebagai jumlah barangan dan perkhidmatan yang boleh dibeli oleh pekerja dengan bayaran yang diterima selepas mengambil kira inflasi. Artikel ini telah mengkaji statistik purata upah benar serta perubahan peratus tahun ke tahun.


Statistik produktiviti buruh bagi sektor ekonomi yang diperolehi daripada Laporan Produktiviti Buruh Suku Tahunan boleh didefinisikan sebagai jumlah barangan dan perkhidmatan, atau output yang dihasilkan dalam ekonomi bagi setiap unit buruh. Produktiviti buruh merujuk kepada kecekapan dan keberkesanan setiap pekerja untuk menjana nilai ditambah atau output keseluruhan yang dikira dengan menggunakan nisbah nilai ditambah per pekerja. Terma produktiviti buruh dalam bahagian seterusnya merujuk kepada pertumbuhan tahunan nilai ditambah per pekerja.

Analisis statistik dekskriptif dan analisis kolerasi telah dilakukan menggunakan *Microsoft Excel* dan Pakej Statistik untuk Sains Sosial (*SPSS* versi 24). Sementara itu, ujian penyebab Granger telah dijalankan menggunakan *Eviews10* untuk mengenalpasti hubungan antara gaji dan upah dan produktiviti buruh serta menentukan hubungan kausal antara kedua-dua pemboleh ubah.

## Penemuan & Perbincangan

Selepas mencatatkan penurunan sebanyak 2.2 peratus berbanding tahun 2010 berikutan kenaikan harga minyak mentah global pada tahun 2011, purata gaji & upah benar bulanan yang diterima oleh pekerja bergaji sepenuh masa di sektor awam dan swasta meningkat 4.3 peratus setiap tahun antara 2012 hingga 2019, dengan pertumbuhan tahun ke tahun kekal positif. Peningkatan paling rendah dicatatkan pada 2015 sebanyak 3.3 peratus manakala yang paling tinggi adalah pada 2018 iaitu sebanyak 6.2 peratus. Walau bagaimanapun, tahun 2020 menyaksikan purata gaji dan upah benar bulanan yang diterima mencatatkan pengurangan terbesar sebanyak 7.0 peratus kepada RM2,287 [Carta 1.1].


**Carta 1.1:** Purata gaji & upah benar, 2011 – 2020



**Sumber:** Pengiraan penulis berdasarkan Laporan Survei Gaji & Upah, DOSM

Dalam tempoh 2010 hingga 2019, nilai produktiviti buruh yang diukur melalui nilai ditambah per pekerja telah meningkat daripada RM69,031 kepada RM94,162. Pertumbuhan tahunan positif dicatatkan sepanjang tempoh tersebut kecuali penurunan marginal 0.9 peratus pada 2013 berikutan pertumbuhan KDNK yang lebih perlahan pada tahun tersebut. Produktiviti buruh Malaysia yang kekal positif selama enam tahun berturut-turut sejak 2014 telah mencatatkan penurunan mendadak sebanyak 5.5 peratus pada 2020, menyumbang kepada nilai produktiviti buruh RM89,022 per pekerja. Ini sejajar dengan penguncupan besar dalam KDNK apabila output merekodkan pengurangan susulan pelaksanaan pelbagai sekatan pada 2020 yang turut menyebabkan penurunan marginal bilangan pekerja [Carta 1.2].


**Carta 1.2:** Produktiviti buruh (nilai ditambah per pekerja), 2010-2020



Sumber: Produktiviti Buruh, Malaysia, 2020, DOSM

Perbandingan antara pertumbuhan tahunan purata upah benar dan produktiviti buruh secara sepintas lalu, mendapati bahawa upah mencatatkan peningkatan yang lebih tinggi berbanding produktiviti kecuali pada 2011 dan 2020. Pertumbuhan negatif bagi upah benar pada 2011 telah dibincangkan di atas. Sementara itu, upah benar telah mengalami penurunan yang lebih besar berbanding produktiviti buruh berikutan senario luar jangka pada tahun 2020 [Carta 1.3].


**Carta 1.3:** Perubahan peratusan tahunan upah benar dan produktiviti buruh (nilai ditambah per pekerja), 2011-2020



Sumber: Akaun Negara, Produktiviti Buruh dan pengiraan penulis berdasarkan Survei Gaji & Upah, Malaysia, 2020, DOSM

Beralih dari analisis statistik deskriptif, analisis selanjutnya perlu dilaksanakan bagi melihat hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah. Analisis awal menggunakan *Scatter plot* menunjukkan hubungan positif antara upah benar dan produktiviti buruh seperti direkodkan oleh pekali penentuan pada 0.6228. Model kolerasi ini bersesuaian mengambil kira 62.3 peratus data bertumpu pada garis trend linear [Carta 1.4]. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa satu pemboleh ubah mempengaruhi peningkatan pemboleh ubah yang berikutnya.

**Carta 1.4 :** *Scatter plot* bagi pertumbuhan tahunan upah benar dan produktiviti buruh



**Sumber:** Pengiraan penulis berdasarkan data DOSM

Bagi mengesahkan penemuan *scatter plot*, analisis kolerasi Pearson antara dua pemboleh ubah iaitu pertumbuhan tahunan purata upah benar dan produktiviti buruh telah dilaksanakan. Pekali kolerasi *Pearson* ( $r$ ) 0.789 pada aras signifikan 0.007 ( $\alpha < 0.01$ ) jelas menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang kuat antara upah benar dan produktiviti buruh [Jadual 1.1].

**Jadual 1.1 :** Analisis kolerasi bagi pertumbuhan tahunan upah benar dan produktiviti buruh

Kolerasi			
		Buruh Produktiviti	Upah benar
Produktiviti Buruh	Kolerasi Pearson ( $r$ )	1	.789**
	Sig. (2-tailed)		.007
	N	10	10
Upah benar	Kolerasi Pearson ( $r$ )	.789**	1
	Sig. (2-tailed)	.007	
	N	10	10


\*\* . Kolerasi signifikan pada tahap 0.01 (2-tailed).

**Sumber:** Pengiraan penulis berdasarkan data DOSM dalam SPSS (ver. 24)

Walaupun analisis *Scatter plot* dan korelasi menunjukkan hubungan positif antara upah benar dan produktiviti buruh, persoalan sama ada kenaikan upah menyumbang kepada peningkatan produktiviti atau sebaliknya perlu ditentukan. Dalam hal ini, dengan memanfaatkan ketersediaan statistik siri masa suku tahunan yang lebih panjang, hubungan sebab antara upah benar dan produktiviti buruh telah dikaji bagi dua sektor ekonomi utama iaitu Perkhidmatan dan Pembuatan. Analisis deskriptif sektor Perkhidmatan mendapati bahawa trend pertumbuhan tahun ke tahun purata upah benar dan produktiviti buruh bergerak seiring sepanjang tempoh suku tahunan dari 2015 hingga 2021. Sehingga suku keempat 2021, pertumbuhan tahun ke tahun produktiviti buruh dalam sektor Perkhidmatan adalah lebih tinggi pada 9.5 peratus berbanding pertumbuhan marginal sebanyak 0.6 peratus dalam upah benar [Carta 1.5].



**Carta 1.5:** Perubahan peratusan tahunan purata upah benar dan produktiviti buruh (nilai ditambah per pekerja) bagi sektor Perkhidmatan, ST1 2015 - ST4 2021



Sumber: Pengiraan penulis berdasarkan data DOSM

Model regresi pertama dalam ujian penyebab Granger di sektor Perkhidmatan menunjukkan bahawa kita gagal menolak hipotesis bahawa upah benar mempengaruhi produktiviti di sektor tersebut. Sementara itu, analisis regresi kedua yang merekodkan nilai-p yang signifikan kurang daripada 0.05 (0.0405) menunjukkan bahawa produktiviti buruh menyebabkan kenaikan upah [Jadual 1.2]. Oleh itu, situasi di sektor Perkhidmatan adalah selari dengan teori produktiviti marginal di mana produktiviti buruh memacu pergerakan upah benar. Dalam erti kata lain, pekerja akan diberi ganjaran upah yang lebih tinggi sejajar dengan kecekapan mereka.

**Jadual 1.2:** Ujian Penyebab Granger *Pairwise* antara pertumbuhan produktiviti buruh dan upah benar sektor Perkhidmatan


Lat: 3			
Hipotesis nul:	Obs	Statistik F	Nilai p
UB_Perkhidmatan tidak menyebabkan Granger mempengaruhi PB_Perkhidmatan	24	0.34492	0.7932
PB_Perkhidmatan tidak menyebabkan Granger mempengaruhi UB_Perkhidmatan		3.18656	0.0405

Seterusnya, melihat kepada sektor Pembuatan di Malaysia, pertumbuhan purata upah benar dan produktiviti buruh juga bergerak dalam arah yang sama. Bagi sebahagian besar siri masa, purata upah benar kekal dalam trend meningkat kecuali kejatuhan mendadak pada suku pertama 2020. Sementara itu, kitaran pertumbuhan produktiviti buruh hampir sama yang mana produktiviti buruh menurun pada suku pertama setiap tahun dan meningkat pada suku seterusnya [Carta 1.6].

Selanjutnya, melihat keputusan ujian penyebab Granger dalam sektor Pembuatan, regresi pertama menolak hipotesis bahawa upah benar tidak menyebabkan produktiviti buruh, pada nilai  $p = 0.0369$ . Pada masa yang sama, kita tidak boleh menolak hipotesis bahawa produktiviti buruh mempengaruhi upah benar di sektor pembuatan. Oleh itu, ia menunjukkan penyebab Granger bergerak sehalu iaitu pertumbuhan upah benar menyumbang kepada pertumbuhan produktiviti buruh sektor Pembuatan [Jadual 1.3]. Bukti ini menyokong teori upah kecekapan yang menyatakan bahawa upah benar memandu pergerakan produktiviti buruh. Secara ringkasnya, peningkatan upah dalam sektor Pembuatan merangsang prestasi pekerja dan selanjutnya meningkatkan produktiviti.



**Carta 1.6:** Perubahan peratus tahunan purata upah benar dan produktiviti buruh (nilai ditambah per pekerja) untuk sektor Pembuatan, ST1 2015 - ST4 2021



Sumber: Pengiraan penulis berdasarkan data DOSM

**Jadual 1.3:** Ujian Penyebab Granger *Pairwise* antara pertumbuhan produktiviti buruh dan upah benar sektor Pembuatan

Lat: 3			
Hipotesis nul:	Obs	Statistik F	Nilai p
UB_Pembuatan tidak menyebabkan Granger mempengaruhi PB_Pembuatan	24	3.54501	0.0369
BP_Pembuatan tidak menyebabkan Granger mempengaruhi UB_Pembuatan		0.74029	0.5425

## Kesimpulan

Penemuan awal kajian ini menunjukkan bahawa secara keseluruhan, upah benar mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi berbanding produktiviti buruh. Penemuan tersebut secara semata-mata tidak boleh digunakan dalam membuat tafsiran bahawa pekerja tidak menunjukkan prestasi di tahap yang selari dengan upah mereka. Berdasarkan kajian selanjutnya terhadap hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah, dapat disimpulkan bahawa terdapat hubungan yang positif antara upah dan produktiviti. Dalam hubungan ini, dapat diandaikan bahawa peningkatan satu pemboleh ubah akan mempengaruhi pemboleh ubah berikutnya. Sama ada menaikkan upah menyebabkan peningkatan produktiviti buruh atau peningkatan produktiviti buruh menyebabkan kenaikan upah, kedua-duanya pasti akan mempengaruhi prestasi ekonomi secara positif. Bagaimanapun, hubungan ini hanya memberi gambaran asas mengenai perkaitan antara kedua-dua pemboleh ubah.

Selanjutnya, analisis sebab-akibat diterokai bagi mengkaji keadaan upah dan produktiviti buruh dalam sektor Perkhidmatan dan Pembuatan yang merupakan dua daripada lima sektor ekonomi utama dari segi sumbangan kepada KDNK. Dapat disimpulkan bahawa upah benar mempengaruhi kecekapan dan produktiviti dalam sektor Pembuatan; manakala senario dalam sektor Perkhidmatan menunjukkan bahawa peningkatan produktiviti buruh mengakibatkan kenaikan upah. Melihat kepada dapatan awalan ini memerlukan pertimbangan teliti dengan mengambil kira kepelbagaian di peringkat subsektor dan industri bagi kedua-dua sektor. Sektor perkhidmatan meliputi subsektor dengan nilai ditambah yang tinggi seperti Kewangan dan insurans, Maklumat dan Komunikasi dan Perkhidmatan Profesional serta industri nilai ditambah yang lebih rendah termasuk Perdagangan borong dan runcit dan Makanan & minuman.

Oleh itu, jika hubungan kausal upah dan produktiviti dikaji untuk setiap subsektor ini, hasilnya mungkin berbeza di mana teori kecenderungan marginal mungkin hanya boleh digunakan untuk subsektor nilai ditambah yang lebih rendah dalam sektor Perkhidmatan. Begitu juga, teori upah kecekapan yang diguna pakai dalam sektor Pembuatan mungkin hanya boleh berlaku untuk subsektor nilai ditambah yang tinggi.

Perlu diberi perhatian bahawa statistik gaji & upah merujuk kepada pekerja bergaji sepenuh masa manakala pekerja dalam pengiraan produktiviti buruh merangkumi majikan, pekerja, bekerja sendiri serta pekerja keluarga tanpa gaji. Walaupun pekerja merangkumi hampir 80 peratus dari keseluruhan guna tenaga, dapatan kajian ini harus ditafsirkan secara berhati-hati mengambil kira perbezaan liputan bagi kedua-dua pemboleh ubah tersebut.

### **Penafian**

Pandangan yang dikemukakan dalam rencana ini adalah pandangan penulis dan tidak semestinya mewakili DOSM.

### **Penghargaan**

Penulis mengucapkan terima kasih kepada Nur Layali Mohd Ali Khan, Noraliza Mohamad Ali dan Jamaliah Jaafar dari Biro Statistik Buruh Malaysia yang telah menyumbangkan pandangan, kepakaran dan bimbingan dalam penghasilan dan penambahbaikan artikel ini.

### **Rujukan**

- Basri, N., M., Karim, Z., A., Ismail, R. & Sulaiman, N. (2018). The Effect of Wages and Industry-Specific Variables on Productivity of Manufacturing Industry in Malaysia: A Dynamic Heterogeneous Panel Evidence. *International Journal of Economics and Management*, 12(2), 379-391.
- Brill, M., Holman, C., Morris, C., Raichoudhary, R. & Yosif, N. (2017). Understanding the labor productivity and compensation gap. *U.S. Bureau of Labor Statistics*, 6(6), 1-14.
- Conference Board (2021). Global Productivity Growth Remains Weak, Extending Slowing Trend. Retrieved from The Conference Board: <https://www.conference-board.org/press/global-productivity-2021>
- Cruz, M., D. (2022). Labor productivity, real wages, and employment: evidence from a panel of OECD economies over 1960-2019. *Working Papers Post Keynesian Economics Society (PKES)*.
- Dabee, V., D & Ragoobur, V., T. (2022). Minimum wage and employment: a gender perspective for Mauritius. *Journal of Business and Socio-economic Development*. <https://doi.org/10.1108/JBSED-10-2021-0134>
- Feldstein, M., S. (2008). Did Wages Reflect Growth in Productivity?. *Journal of Policy Modelling*, 30(4), 591-594.
- Goh, S., K. & Wong, K., N. (2010). Analyzing the Productivity-Wage-Unemployment Nexus in Malaysia: Evidence from the Macroeconomic Perspective. *International Research Journal of Finance and Economics*, Volume 53, 145-156.
- Herman, E. (2020). Labour Productivity and Wages in the Romanian Manufacturing Sector. *Procedia Manufacturing*, Volume 46, 313-321: <https://doi.org/10.1016/j>
- International Labour Organization (ILO). (2015). Chapter 7: Monitoring the effects of minimum wages: 7.6 Effects on labour productivity. Retrieved from ILO: <https://www.ilo.org/global/topics/wages/minimumwages/monitoring>

- International Labour Organization (ILO). (2015.) Chapter 18: Productivity (Decent work for sustainable development Resource Platform). Retrieved from ILO: <https://www.ilo.org/global/topics/dw4sd/themes/productivity>
- International Monetary Fund. (2022, April). World Economic and Financial Surveys: World Economic Outlook Database. Retrieved from World Economic Outlook Database: <https://www.imf.org/en/Publications/WEO/weo-database/2022/April/download-entire-database>
- Islam, R., Kinyondo, A., & Nganga, J. (2015). Real wages and labour productivity in Tanzania: How do they link?. *Journal of African studies and Development*, 7(3), 81-98.
- Karaalp-Orhan, H., S. (2017). Labour Productivity, Real Wages and Unemployment: An Application of Bounds Test Approach for Turkey. *Journal of Economic and Social Development*, 4(2), 11-12.
- Katovich, E., S. & Maia, A., G. (2018). The relation between labor productivity and wages in Brazil: A Sectoral Analysis. *Nova Economia*. 28(01), 7-38. <https://doi.org/10.1590>
- Klein, N. (2012). Real Wage, Labor Productivity, and Employment Trends in South Africa: A Closer Look. *International Monetary Fund Working Paper 12/92*, 1-37.
- Trpeski, P., Eftimov, L. & Cvetanoska, M. (2016). Labor Productivity and Real Wages In Macedonia: An Overview Before and After the Global Economic Crisis. *European Scientific journal*. 12(10), 352-365. <http://dx.doi.org/10.19044/esj>
- United Nations Statistics Division. (2021). Sustainable Development Goals: Goal 8. Retrieved from Sustainable Development Goals: <https://unstats.un.org/sdgs/report/2020/goal-08/?mscl-kid=0c5a7f91d03111eca5fbe6e45c89ad1b>

**JADUAL STATISTIK ST1**

**2022**

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**

**Jadual A: Penawaran Buruh, Malaysia, ST2 2019 - ST1 2022**

**1. Profil Kadar Penyertaan Tenaga Buruh**

Indikator	Unit	2019			2020				2021				2022
		ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4	ST1
<b>Kadar penyertaan tenaga buruh</b>	(%)	<b>68.8</b>	<b>68.9</b>	<b>69.1</b>	<b>68.8</b>	<b>68.1</b>	<b>68.4</b>	<b>68.5</b>	<b>68.6</b>	<b>68.3</b>	<b>68.3</b>	<b>68.7</b>	<b>69.0</b>
<b>Jantina</b>													
Lelaki	(%)	80.8	80.9	81.1	80.8	80.2	80.5	80.7	80.9	80.8	80.9	81.0	81.5
Perempuan	(%)	55.8	56.0	56.1	55.8	55.0	55.3	55.3	55.4	55.0	55.0	55.4	55.6
<b>Kumpulan umur</b>													
15-24	(%)	45.0	46.0	45.9	43.3	42.8	41.8	42.4	43.2	42.8	42.6	43.6	45.2
25-34	(%)	85.2	84.4	86.7	86.0	84.8	84.5	85.5	83.9	85.3	83.7	87.4	87.4
35-44	(%)	83.1	84.0	83.0	83.5	82.8	83.1	83.0	86.1	84.1	85.9	86.6	84.6
45-54	(%)	78.2	77.1	76.9	76.7	76.9	78.3	77.1	76.3	77.0	76.8	74.4	75.2
55-64	(%)	48.5	48.9	46.9	51.4	50.2	53.6	51.8	49.9	48.6	48.4	43.1	44.0
<b>Jantina dan Kumpulan umur</b>													
<b>Lelaki</b>	(%)	80.8	80.9	81.1	80.8	80.2	80.5	80.7	80.9	80.8	80.9	81.0	81.5
15-24	(%)	52.7	54.4	52.9	49.9	49.0	49.9	50.7	52.1	48.5	51.8	56.5	57.9
25-34	(%)	96.2	94.2	96.8	95.5	95.6	94.9	95.6	92.4	93.8	93.5	92.8	93.5
35-44	(%)	97.5	97.6	97.9	97.5	97.1	97.3	97.7	97.4	97.1	97.3	96.5	97.3
45-54	(%)	94.3	93.9	94.8	94.7	94.9	95.2	92.4	95.4	95.6	94.4	96.6	95.0
55-64	(%)	64.4	66.0	63.3	71.4	67.8	69.3	69.4	72.7	76.9	70.7	62.4	61.5
<b>Perempuan</b>	(%)	55.8	56.0	56.1	55.8	55.0	55.3	55.3	55.4	55.0	55.0	55.4	55.6
15-24	(%)	36.7	36.8	38.3	36.0	35.9	33.1	33.4	33.3	36.4	32.4	29.4	31.2
25-34	(%)	73.0	73.6	75.6	75.4	72.6	72.8	74.1	74.4	75.6	72.8	81.3	80.6
35-44	(%)	67.6	69.4	67.1	68.4	67.3	67.4	67.2	74.0	70.5	73.8	75.9	71.2
45-54	(%)	62.0	60.1	58.7	58.5	58.8	61.1	61.7	57.3	59.2	59.3	52.0	55.3
55-64	(%)	32.3	31.5	30.2	31.0	32.2	37.3	33.2	27.0	21.7	27.3	23.6	26.5
<b>Kumpulan etnik</b>													
Warganegara	(%)	66.7	67.6	66.4	66.7	65.8	66.1	67.0	67.2	66.6	66.6	67.3	67.6
Bumiputera	(%)	65.2	65.7	65.6	65.3	64.1	64.4	65.2	64.9	65.8	66.0	65.7	65.9
Cina	(%)	70.8	73.2	69.1	70.5	70.4	71.4	71.3	72.3	69.6	68.7	71.2	72.5
India	(%)	67.6	67.1	65.5	67.0	67.2	66.0	70.8	71.8	63.5	66.4	69.1	67.7
Lain-lain	(%)	63.6	67.5	68.5	69.5	62.2	61.7	66.7	65.5	90.2	67.2	68.3	68.9
Bukan warganegara	(%)	83.4	77.9	88.2	84.2	84.7	84.9	79.3	79.1	80.2	80.6	79.0	79.5
<b>Pencapaian pendidikan</b>													
Tiada pendidikan rasmi	(%)	62.4	59.7	63.4	63.7	61.7	58.7	55.9	58.7	62.3	61.2	63.4	62.7
Rendah	(%)	71.2	69.7	72.4	71.8	70.0	70.7	69.9	69.1	67.2	66.2	68.4	66.9
Menengah	(%)	68.5	68.2	68.4	67.6	67.1	66.9	63.6	64.8	66.2	67.0	67.1	67.0
Tertiari	(%)	68.9	70.8	69.7	70.5	70.0	71.4	79.0	77.3	73.3	72.4	72.4	74.4

Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia ST1 2022, DOSM

Jadual A: Penawaran Buruh, Malaysia, ST2 2019 - ST1 2022

2. Profil Tenaga Buruh

Indikator	Unit	2019			2020				2021				2022
		ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4	ST1
<b>Tenaga buruh</b>	( <b>'000</b> )	<b>15,598.8</b>	<b>15,674.3</b>	<b>15,766.7</b>	<b>15,790.1</b>	<b>15,675.5</b>	<b>15,840.6</b>	<b>15,922.3</b>	<b>16,008.4</b>	<b>15,972.2</b>	<b>16,021.0</b>	<b>16,135.0</b>	<b>16,246.1</b>
<b>Jantina</b>													
Lelaki	( <b>'000</b> )	9,492.5	9,529.1	9,589.2	9,625.5	9,583.0	9,689.3	9,738.4	9,778.9	9,729.1	9,772.6	9,858.4	9,929.2
Perempuan	( <b>'000</b> )	6,106.3	6,145.2	6,177.5	6,164.6	6,092.5	6,151.3	6,183.9	6,229.5	6,243.1	6,248.4	6,276.6	6,316.9
<b>Kumpulan umur</b>													
15-24	( <b>'000</b> )	2,756.4	2,825.9	2,820.2	2,648.9	2,622.2	2,566.6	2,588.6	2,624.6	2,580.2	2,595.9	2,685.1	2,737.8
25-34	( <b>'000</b> )	5,264.8	5,224.6	5,408.7	5,383.1	5,321.2	5,297.7	5,426.0	5,304.7	5,331.1	5,333.5	5,564.5	5,555.4
35-44	( <b>'000</b> )	3,665.0	3,724.5	3,688.7	3,785.7	3,765.6	3,819.4	3,832.0	4,061.6	3,929.6	4,078.3	4,104.1	4,089.3
45-54	( <b>'000</b> )	2,669.5	2,640.3	2,641.3	2,624.7	2,643.6	2,711.4	2,676.1	2,664.4	2,707.1	2,690.6	2,608.5	2,637.7
55-64	( <b>'000</b> )	1,243.1	1,259.0	1,207.8	1,347.7	1,322.9	1,445.5	1,399.5	1,353.0	1,424.2	1,322.7	1,172.8	1,225.9
<b>Jantina dan Kumpulan umur</b>													
<b>Lelaki</b>	( <b>'000</b> )	9,492.5	9,529.1	9,589.2	9,625.5	9,583.0	9,689.3	9,738.4	9,778.9	9,729.1	9,772.6	9,858.4	9,929.2
15-24	( <b>'000</b> )	1,683.6	1,745.9	1,697.1	1,599.1	1,570.1	1,597.3	1,609.9	1,664.0	1,542.0	1,655.5	1,825.5	1,840.1
25-34	( <b>'000</b> )	3,131.2	3,068.9	3,176.8	3,161.4	3,177.0	3,139.6	3,217.2	3,091.6	3,119.8	3,146.2	3,118.4	3,140.8
35-44	( <b>'000</b> )	2,229.7	2,240.6	2,255.5	2,296.9	2,294.6	2,340.6	2,342.1	2,372.8	2,323.3	2,383.7	2,363.5	2,420.1
45-54	( <b>'000</b> )	1,613.4	1,615.7	1,636.9	1,624.4	1,638.7	1,662.3	1,606.4	1,662.0	1,645.6	1,648.3	1,698.1	1,669.9
55-64	( <b>'000</b> )	834.6	858.0	822.8	943.7	902.6	949.6	962.7	988.4	1,098.5	938.8	852.9	858.4
<b>Perempuan</b>	( <b>'000</b> )	6,106.3	6,145.2	6,177.5	6,164.6	6,092.5	6,151.3	6,183.9	6,229.5	6,243.1	6,248.4	6,276.6	6,316.9
15-24	( <b>'000</b> )	1,072.9	1,080.0	1,123.0	1,049.8	1,052.1	969.3	978.7	960.6	1,038.2	940.4	859.6	897.7
25-34	( <b>'000</b> )	2,133.6	2,155.7	2,231.9	2,221.8	2,144.2	2,158.2	2,208.8	2,213.1	2,211.3	2,187.3	2,446.1	2,414.6
35-44	( <b>'000</b> )	1,435.3	1,483.9	1,433.2	1,488.8	1,471.0	1,478.8	1,489.9	1,688.8	1,606.4	1,694.6	1,740.6	1,669.3
45-54	( <b>'000</b> )	1,056.1	1,024.6	1,004.4	1,000.3	1,004.9	1,049.1	1,069.7	1,002.4	1,061.5	1,042.3	910.4	967.8
55-64	( <b>'000</b> )	408.5	401.1	385.0	403.9	420.3	495.9	436.8	364.6	325.7	383.8	319.9	367.6
<b>Kumpulan etnik</b>													
Warganegara	( <b>'000</b> )	13,307.6	13,522.6	13,339.1	13,466.8	13,322.1	13,481.7	13,719.8	13,748.8	13,678.4	13,745.3	13,941.8	14,038.0
Bumiputera	( <b>'000</b> )	8,814.3	8,908.1	8,939.6	8,958.8	8,818.3	8,926.2	9,077.1	9,057.4	9,243.4	9,302.4	9,297.0	9,369.6
Cina	( <b>'000</b> )	3,385.4	3,506.5	3,313.8	3,385.3	3,387.2	3,460.7	3,454.4	3,492.0	3,414.9	3,321.2	3,453.2	3,515.7
India	( <b>'000</b> )	995.9	994.1	972.3	1,002.0	1,006.0	992.3	1,067.8	1,099.4	953.0	1,028.6	1,048.5	1,042.5
Lain-lain	( <b>'000</b> )	112.0	114.0	113.4	120.7	110.5	102.6	120.4	99.9	67.1	93.1	143.1	110.3
Bukan warganegara	( <b>'000</b> )	2,291.1	2,151.7	2,427.6	2,323.3	2,353.5	2,358.9	2,202.5	2,259.6	2,293.9	2,275.7	2,193.2	2,208.1
<b>Pencapaian pendidikan</b>													
Tiada pendidikan rasmi	( <b>'000</b> )	472.3	472.5	470.9	448.4	442.5	382.2	358.0	455.0	584.9	624.3	596.8	554.0
Rendah	( <b>'000</b> )	1,835.8	1,795.3	1,919.8	1,809.6	1,618.7	1,655.5	1,641.6	1,650.4	1,526.9	1,360.1	1,389.9	1,461.7
Menengah	( <b>'000</b> )	8,807.7	8,680.4	8,777.7	8,834.3	8,783.0	8,771.5	8,595.4	8,667.4	8,675.1	8,834.7	9,019.5	9,109.6
Tertiari	( <b>'000</b> )	4,483.0	4,726.1	4,598.3	4,697.9	4,831.3	5,031.5	5,327.3	5,235.5	5,185.3	5,202.0	5,128.9	5,120.8

Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia ST1 2022, DOSM

Jadual A: Penawaran Buruh, Malaysia, ST2 2019 - ST1 2022

3. Profil Penduduk Bekerja

Indikator	Unit	2019			2020				2021				2022
		ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4	ST1
Penduduk bekerja	('000)	15,078.2	15,162.1	15,254.5	15,243.5	14,883.7	15,095.6	15,161.6	15,236.5	15,207.3	15,274.8	15,440.7	15,574.9
Nisbah guna tenaga kepada penduduk	(%)	66.5	66.6	66.8	66.4	64.6	65.2	65.2	65.3	65.0	65.1	65.7	66.2
<b>Jantina</b>													
Lelaki	('000)	9,175.5	9,228.7	9,290.8	9,294.5	9,129.1	9,229.8	9,273.1	9,314.1	9,285.0	9,335.9	9,444.3	9,534.2
Perempuan	('000)	5,902.7	5,933.5	5,963.7	5,949.0	5,754.7	5,865.8	5,888.6	5,922.4	5,922.3	5,938.9	5,996.3	6,040.6
<b>Kumpulan umur</b>													
15-24	('000)	2,469.4	2,537.3	2,541.3	2,357.5	2,295.5	2,244.2	2,257.9	2,307.3	2,297.1	2,291.8	2,372.0	2,434.6
25-34	('000)	5,104.2	5,057.7	5,249.6	5,217.8	5,047.0	5,064.0	5,169.4	5,073.7	5,067.8	5,088.3	5,320.0	5,320.8
35-44	('000)	3,625.2	3,693.3	3,645.1	3,740.2	3,679.6	3,738.6	3,755.8	3,957.3	3,854.6	4,005.0	4,023.9	4,022.3
45-54	('000)	2,644.6	2,619.7	2,617.8	2,590.2	2,576.0	2,664.5	2,624.0	2,605.9	2,624.9	2,620.3	2,566.0	2,591.4
55-64	('000)	1,234.9	1,254.2	1,200.8	1,337.8	1,285.7	1,384.2	1,354.6	1,292.3	1,363.0	1,269.5	1,158.7	1,205.7
<b>Jantina dan Kumpulan umur</b>													
<b>Lelaki</b>	('000)	9,175.5	9,228.7	9,290.8	9,294.5	9,129.1	9,229.8	9,273.1	9,314.1	9,285.0	9,335.9	9,444.3	9,534.2
15-24	('000)	1,521.9	1,577.0	1,548.4	1,430.1	1,372.9	1,409.7	1,427.0	1,465.7	1,397.3	1,475.8	1,628.3	1,595.3
25-34	('000)	3,033.1	2,978.1	3,083.1	3,061.4	3,040.5	2,997.6	3,059.5	2,968.6	2,980.3	3,024.6	2,991.4	3,050.7
35-44	('000)	2,203.2	2,220.6	2,225.7	2,265.7	2,239.6	2,287.9	2,297.9	2,320.0	2,270.6	2,344.6	2,315.5	2,388.4
45-54	('000)	1,591.0	1,598.8	1,616.1	1,598.3	1,598.0	1,627.4	1,567.0	1,619.6	1,589.5	1,592.4	1,667.0	1,648.7
55-64	('000)	826.4	854.2	817.4	939.1	878.0	907.3	921.6	940.2	1,047.4	898.6	842.1	851.2
<b>Perempuan</b>	('000)	5,902.7	5,933.5	5,963.7	5,949.0	5,754.7	5,865.8	5,888.6	5,922.4	5,922.3	5,938.9	5,996.3	6,040.6
15-24	('000)	947.5	960.3	992.8	927.4	922.6	834.6	830.8	841.6	899.8	816.0	743.8	839.3
25-34	('000)	2,071.1	2,079.7	2,166.5	2,156.4	2,006.5	2,066.5	2,109.9	2,105.2	2,087.5	2,063.7	2,328.6	2,270.2
35-44	('000)	1,422.0	1,472.7	1,419.4	1,474.5	1,439.9	1,450.8	1,457.9	1,637.3	1,584.0	1,660.3	1,708.4	1,633.9
45-54	('000)	1,053.6	1,020.9	1,001.6	991.8	977.9	1,037.1	1,057.1	986.3	1,035.4	1,027.9	899.0	942.8
55-64	('000)	408.5	400.0	383.4	398.7	407.8	476.9	432.9	352.1	315.6	371.0	316.6	354.5
<b>Kumpulan etnik</b>													
Warganegara	('000)	12,831.4	13,056.4	12,867.1	12,986.9	12,636.2	12,841.6	13,065.0	13,085.2	13,022.6	13,105.8	13,351.0	13,468.2
Bumiputera	('000)	8,481.7	8,572.5	8,605.8	8,617.8	8,356.4	8,528.3	8,649.1	8,610.9	8,785.7	8,852.0	8,880.5	8,999.9
Cina	('000)	3,295.9	3,429.6	3,238.3	3,303.2	3,242.5	3,288.2	3,306.3	3,334.4	3,274.9	3,199.3	3,328.2	3,368.4
India	('000)	949.8	947.8	913.9	954.4	934.7	932.7	1,004.0	1,047.0	899.0	964.4	1,003.4	997.2
Lain-lain	('000)	103.9	106.5	109.1	111.5	102.5	92.3	105.6	92.8	62.9	90.2	138.8	102.8
Bukan warganegara	('000)	2,246.9	2,105.7	2,387.4	2,256.6	2,247.5	2,254.1	2,096.6	2,151.3	2,184.7	2,169.0	2,089.6	2,106.7
<b>Pencapaian pendidikan</b>													
Tiada pendidikan rasmi	('000)	457.1	457.3	459.2	423.3	413.9	354.5	339.8	417.6	546.5	582.8	549.3	517.4
Rendah	('000)	1,801.7	1,755.6	1,894.7	1,759.9	1,556.0	1,582.5	1,576.1	1,567.8	1,473.3	1,300.3	1,351.3	1,416.4
Menengah	('000)	8,504.1	8,418.3	8,470.4	8,532.5	8,326.5	8,367.0	8,194.9	8,239.7	8,271.9	8,419.7	8,633.9	8,736.2
Tertiari	('000)	4,315.3	4,531.1	4,430.2	4,527.8	4,587.3	4,791.7	5,050.9	5,011.4	4,915.6	4,971.9	4,906.2	4,904.8

Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia ST1 2022, DOSM



**Jadual A: Penawaran Buruh, Malaysia, ST2 2019 - ST1 2022**

**3. Profil Penduduk Bekerja (samb.)**

Indikator	Unit	2019			2020				2021				2022
		ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4	ST1
<b>Taraf pekerjaan</b>													
Majikan	('000)	569.6	596.7	520.7	585.1	499.6	451.4	485.1	491.4	460.0	476.8	486.9	529.1
Pekerja	('000)	11,253.0	11,404.0	11,580.2	11,378.2	11,270.4	11,526.7	11,703.8	11,677.1	11,610.5	11,692.7	11,772.3	11,822.1
Pekerja sendiri	('000)	2,676.8	2,626.7	2,588.3	2,658.8	2,516.3	2,533.3	2,439.5	2,534.0	2,611.8	2,581.5	2,651.5	2,708.4
Pekerja keluarga tanpa gaji	('000)	578.9	534.8	565.3	621.4	597.4	584.3	533.3	534.1	525.0	523.8	529.9	515.3
<b>Pekerjaan</b>													
Pengurus	('000)	736.5	735.3	665.1	683.0	774.8	752.0	845.8	811.2	631.2	594.1	610.1	623.7
Profesional	('000)	1,879.5	1,851.8	1,907.2	1,958.6	1,923.9	1,910.5	1,937.6	2,179.4	2,013.0	1,967.0	1,978.0	1,998.9
Juruteknik dan profesional bersekutu	('000)	1,514.6	1,612.7	1,631.5	1,614.1	1,564.2	1,732.4	1,775.1	1,879.3	1,705.7	1,695.6	1,707.5	1,718.7
Pekerja sokongan perkeranian	('000)	1,277.3	1,335.9	1,336.1	1,371.6	1,318.8	1,302.4	1,322.5	1,507.8	1,641.6	1,704.6	1,728.4	1,742.1
Pekerja perkhidmatan dan jualan	('000)	3,503.4	3,628.3	3,480.2	3,572.1	3,530.9	3,513.5	3,536.7	3,499.4	3,737.5	3,822.8	3,920.8	3,984.4
Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan	('000)	919.2	857.3	917.1	945.4	921.3	872.6	900.0	788.9	719.0	695.1	666.9	641.5
Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan	('000)	1,512.6	1,443.3	1,381.6	1,385.8	1,384.0	1,426.1	1,302.7	1,221.8	1,304.9	1,284.8	1,285.7	1,290.6
Operator mesin dan loji, dan pemasang	('000)	1,806.3	1,874.0	1,882.7	1,772.2	1,641.2	1,713.7	1,799.3	1,617.9	1,649.5	1,637.1	1,641.4	1,645.3
Pekerja asas	('000)	1,928.9	1,823.5	2,053.0	1,940.5	1,824.7	1,872.4	1,742.0	1,730.9	1,804.8	1,873.8	1,901.6	1,929.7
<b>Kemahiran</b>													
Mahir	('000)	4,130.5	4,199.9	4,203.9	4,255.8	4,262.8	4,394.9	4,558.5	4,869.9	4,350.0	4,256.7	4,295.7	4,341.3
Separuh mahir	('000)	9,018.8	9,138.8	8,997.7	9,047.1	8,796.3	8,828.2	8,861.2	8,635.8	9,052.5	9,144.3	9,243.4	9,303.8
Berkemahiran rendah	('000)	1,928.9	1,823.5	2,053.0	1,940.5	1,824.7	1,872.4	1,742.0	1,730.9	1,804.8	1,873.8	1,901.6	1,929.7

Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia ST1 2022, DOSM

Jadual A: Penawaran Buruh, Malaysia, ST2 2019 - ST1 2022

4. Profil Guna Tenaga Tidak Penuh

Indikator	Unit	2019			2020				2021				2022
		ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4	ST1
<b>Bekerja kurang dari 30 jam</b>	('000)	374.3	326.6	304.0	667.5	789.6	403.8	533.7	441.9	474.1	464.6	393.8	336.3
<b>Jantina</b>													
Lelaki	('000)	171.5	118.9	112.3	320.1	444.0	151.4	345.6	281.3	317.8	282.9	137.6	112.1
Perempuan	('000)	202.8	207.6	191.8	347.4	345.7	252.4	188.0	160.5	156.3	181.6	256.2	224.1
<b>Kumpulan umur</b>													
15-24	('000)	43.6	42.5	39.1	91.0	134.6	116.1	165.5	57.0	102.2	69.0	87.0	39.1
25-34	('000)	84.1	73.6	62.9	189.1	229.1	118.0	189.5	209.4	110.1	166.4	108.4	103.6
35-44	('000)	87.8	79.7	72.8	146.5	182.0	72.1	71.0	106.3	95.9	123.7	97.5	77.8
45 dan above	('000)	158.8	130.8	129.3	240.9	244.0	97.6	107.6	69.2	165.9	105.4	100.9	115.8
<b>Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa</b>	('000)	204.5	178.7	170.7	383.2	413.5	300.8	369.1	310.5	329.7	326.2	293.1	245.1
<b>Jantina</b>													
Lelaki	('000)	107.2	70.4	69.2	183.2	257.6	102.3	267.8	226.7	236.1	232.2	101.2	71.3
Perempuan	('000)	97.2	108.2	101.5	199.9	156.0	198.5	101.3	83.8	93.5	93.9	191.9	173.8
<b>Kumpulan umur</b>													
15-24	('000)	32.0	28.6	28.7	63.2	76.3	108.4	130.3	46.4	86.6	40.4	80.8	21.8
25-34	('000)	53.8	44.8	44.2	114.1	99.3	97.2	117.4	159.3	82.6	137.0	78.9	76.1
35-44	('000)	45.7	50.9	40.6	82.4	106.1	47.4	53.1	67.2	46.6	87.7	70.2	62.6
45 dan above	('000)	73.0	54.4	57.1	123.5	131.9	47.8	68.4	37.6	113.8	61.0	63.2	84.5
<b>Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran</b>	('000)	1,417.2	1,554.5	1,540.9	1,637.3	1,674.1	1,762.7	1,886.8	1,899.9	1,852.5	1,873.8	1,838.3	1,810.1
<b>Jantina</b>													
Lelaki	('000)	665.3	699.3	746.8	815.1	847.7	865.9	1,066.6	951.5	949.0	931.7	877.1	874.4
Perempuan	('000)	751.9	855.2	794.1	822.2	826.4	896.9	820.2	948.4	903.5	942.2	961.2	935.6
<b>Kumpulan umur</b>													
15-24	('000)	338.6	393.5	348.4	338.3	393.7	405.1	353.5	437.2	336.9	426.8	309.0	364.9
25-34	('000)	666.0	705.8	732.4	786.3	701.9	811.4	862.6	848.4	776.0	835.3	816.4	821.3
35-44	('000)	259.7	279.1	287.4	310.8	331.6	355.3	443.0	401.7	426.1	392.0	454.6	428.2
45 dan above	('000)	152.8	176.0	172.7	201.8	246.9	190.9	227.6	212.5	313.5	219.7	258.3	195.7
<b>Kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan masa</b>	(%)	1.4	1.2	1.1	2.5	2.8	2.0	2.4	2.0	2.2	2.1	1.9	1.6
<b>Kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran</b>	(%)	32.8	34.3	34.8	36.2	36.5	36.8	37.4	37.9	37.7	37.7	37.5	36.9

Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia ST1 2022, DOSM

## Jadual A: Penawaran Buruh, Malaysia, ST2 2019 - ST1 2022

### 4. Profil Pengangguran

Indikator	Unit	2019			2020				2021				2022
		ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4	ST1
<b>Penganggur</b>	<b>('000)</b>	<b>520.6</b>	<b>512.1</b>	<b>512.2</b>	<b>546.6</b>	<b>791.8</b>	<b>745.0</b>	<b>760.7</b>	<b>771.8</b>	<b>764.9</b>	<b>746.2</b>	<b>694.4</b>	<b>671.2</b>
<b>Jantina</b>													
Lelaki	('000)	317.0	300.5	298.4	331.0	453.9	459.5	465.3	464.8	444.1	436.7	414.1	395.0
Perempuan	('000)	203.6	211.7	213.8	215.7	337.9	285.5	295.3	307.0	320.8	309.5	280.2	276.2
<b>Kumpulan umur</b>													
15-24	('000)	287.0	288.6	278.9	291.4	326.7	322.3	330.8	317.4	283.1	304.1	313.1	303.2
25-34	('000)	160.6	166.9	159.1	165.3	274.3	233.7	256.6	231.0	263.3	245.3	244.5	234.6
35-44	('000)	39.8	31.2	43.6	45.5	86.0	80.7	76.2	104.3	75.0	73.4	80.2	67.1
45-54	('000)	24.9	20.6	23.6	34.6	67.7	46.9	52.1	58.5	82.2	70.3	42.5	46.3
55-64	('000)	8.2	4.8	7.0	9.9	37.2	61.4	45.0	60.7	61.3	53.1	14.1	20.2
<b>Kumpulan etnik</b>													
Warganegara	('000)	476.3	466.2	472.1	480.0	685.8	640.2	654.8	663.6	655.8	639.5	590.8	569.8
Bumiputera	('000)	332.6	335.6	333.8	341.0	461.8	397.8	428.0	446.5	457.7	450.5	416.5	369.7
Cina	('000)	89.5	76.8	75.5	82.2	144.7	172.5	148.1	157.6	140.0	121.9	125.0	147.3
India	('000)	46.1	46.3	58.5	47.6	71.3	59.6	63.8	52.4	54.0	64.2	45.0	45.3
Lain-lain	('000)	8.1	7.5	4.4	9.2	8.0	10.2	14.8	7.1	4.2	2.9	4.3	7.5
Bukan warganegara	('000)	44.3	45.9	40.2	66.7	106.0	104.8	105.9	108.3	109.1	106.7	103.6	101.4
<b>Kategori menganggur</b>													
Penganggur aktif	('000)	383.3	371.3	363.0	356.9	485.7	592.2	634.4	640.1	663.4	658.1	611.0	593.0
<b>Tempoh masa menganggur</b>													
Kurang dari 3 bulan	('000)	172.6	164.1	164.6	159.0	240.7	294.2	285.8	316.1	385.0	331.6	353.5	353.4
3 bulan hingga kurang dari 6 bulan	('000)	123.6	119.5	109.8	94.7	149.9	152.9	193.1	165.3	143.0	177.8	149.8	141.3
6 bulan hingga kurang dari 1 tahun	('000)	54.2	53.9	46.9	57.7	64.2	92.0	88.5	89.9	71.6	90.6	62.5	58.9
Lebih dari 1 tahun	('000)	32.9	33.7	41.7	45.5	30.8	53.1	67.0	68.7	63.8	58.1	45.2	39.4
Penganggur tidak aktif	('000)	137.3	140.8	149.3	189.8	306.1	152.8	126.2	131.7	101.6	88.1	83.4	78.2
<b>Kadar Pengangguran</b>	<b>(%)</b>	<b>3.3</b>	<b>3.3</b>	<b>3.2</b>	<b>3.5</b>	<b>5.1</b>	<b>4.7</b>	<b>4.8</b>	<b>4.8</b>	<b>4.8</b>	<b>4.7</b>	<b>4.3</b>	<b>4.1</b>
<b>Jantina</b>													
Lelaki	(%)	3.3	3.2	3.1	3.4	4.7	4.7	4.8	4.8	4.6	4.5	4.2	4.0
Perempuan	(%)	3.3	3.4	3.5	3.5	5.5	4.6	4.8	4.9	5.1	5.0	4.5	4.4
<b>Kumpulan umur</b>													
15-24	(%)	10.4	10.2	9.9	11.0	12.5	12.6	12.8	12.1	11.0	11.7	11.7	11.1
25-34	(%)	3.1	3.2	2.9	3.1	5.2	4.4	4.7	4.4	4.9	4.6	4.4	4.2
35-44	(%)	1.1	0.8	1.2	1.2	2.3	2.1	2.0	2.6	1.9	1.8	2.0	1.6
45-54	(%)	0.9	0.8	0.9	1.3	2.6	1.7	1.9	2.2	3.0	2.6	1.6	1.8
55-64	(%)	0.7	0.4	0.6	0.7	2.8	4.2	3.2	4.5	4.3	4.0	1.2	1.6
<b>Kumpulan etnik</b>													
Warganegara	(%)	3.6	3.4	3.5	3.6	5.1	4.7	4.8	4.8	4.8	4.7	4.2	4.1
Bumiputera	(%)	3.8	3.8	3.7	3.8	5.2	4.5	4.7	4.9	5.0	4.8	4.5	3.9
Cina	(%)	2.6	2.2	2.3	2.4	4.3	5.0	4.3	4.5	4.1	3.7	3.6	4.2
India	(%)	4.6	4.7	6.0	4.8	7.1	6.0	6.0	4.8	5.7	6.2	4.3	4.3
Lain-lain	(%)	7.2	6.6	3.8	7.6	7.2	10.0	12.3	7.1	6.2	3.1	3.0	6.8
Bukan warganegara	(%)	1.9	2.1	1.7	2.9	4.5	4.4	4.8	4.8	4.8	4.7	4.7	4.6

Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia ST1 2022, DOSM

Jadual A: Penawaran Buruh, Malaysia, ST2 2019 - ST1 2022

5. Profil Luar Tenaga Buruh

Indikator	Unit	2019			2020				2021				2022
		ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4	ST1
<b>Luar tenaga buruh</b>	('000)	7,088.1	7,088.7	7,066.1	7,163.1	7,350.5	7,324.6	7,318.4	7,316.0	7,424.9	7,430.1	7,361.5	7,289.9
<b>Jantina</b>													
Lelaki	('000)	2,255.0	2,252.5	2,233.3	2,280.7	2,364.7	2,342.5	2,325.1	2,303.4	2,314.3	2,311.3	2,306.5	2,252.2
Perempuan	('000)	4,833.0	4,836.2	4,832.8	4,882.5	4,985.8	4,982.1	4,993.2	5,012.6	5,110.6	5,118.8	5,055.0	5,037.7
<b>Kumpulan umur</b>													
15-24	('000)	3,363.7	3,316.2	3,321.1	3,467.8	3,509.0	3,568.7	3,513.7	3,455.7	3,447.4	3,500.8	3,470.8	3,321.4
25-34	('000)	913.3	962.8	827.3	873.6	954.3	972.1	922.3	1,018.3	920.2	1,036.4	805.3	798.1
35-44	('000)	746.4	709.8	753.1	746.2	783.5	778.8	783.1	657.8	741.6	667.0	637.0	742.0
45-54	('000)	744.9	786.1	795.6	798.9	792.0	751.8	796.8	826.5	807.8	813.6	899.1	870.7
55-64	('000)	1,319.8	1,313.8	1,368.9	1,276.7	1,311.6	1,253.3	1,302.4	1,357.7	1,507.9	1,412.3	1,549.3	1,557.8
<b>Jantina dan Kumpulan umur</b>													
<b>Lelaki</b>	('000)	2,255.0	2,252.5	2,233.3	2,280.7	2,364.7	2,342.5	2,325.1	2,303.4	2,314.3	2,311.3	2,306.5	2,252.2
15-24	('000)	1,512.3	1,461.5	1,510.5	1,604.7	1,634.2	1,605.9	1,563.4	1,531.5	1,634.7	1,541.4	1,404.8	1,340.6
25-34	('000)	124.2	190.3	106.6	149.5	146.9	167.1	148.7	255.5	205.3	217.8	242.2	217.3
35-44	('000)	58.1	54.7	48.9	58.1	68.2	63.9	56.2	64.0	68.9	66.4	85.1	67.7
45-54	('000)	98.1	104.5	90.0	90.2	87.3	84.6	132.9	80.6	76.0	96.9	59.5	88.6
55-64	('000)	462.3	441.5	477.3	378.1	428.1	421.1	423.9	371.7	329.4	388.8	514.9	538.0
<b>Perempuan</b>	('000)	4,833.0	4,836.2	4,832.8	4,882.5	4,985.8	4,982.1	4,993.2	5,012.6	5,110.6	5,118.8	5,055.0	5,037.7
15-24	('000)	1,851.4	1,854.8	1,810.6	1,863.1	1,874.8	1,962.8	1,950.2	1,924.1	1,812.7	1,959.5	2,066.0	1,980.8
25-34	('000)	789.1	772.5	720.7	724.1	807.4	805.0	773.7	762.8	714.9	818.6	563.1	580.8
35-44	('000)	688.3	655.1	704.2	688.1	715.3	714.9	727.0	593.8	672.7	600.6	551.8	674.3
45-54	('000)	646.7	681.6	705.7	708.6	704.7	667.2	663.9	745.9	731.8	716.7	839.6	782.1
55-64	('000)	857.5	872.2	891.6	898.6	883.5	832.2	878.5	986.0	1,178.5	1,023.5	1,034.4	1,019.7
<b>Sebab tidak mencari kerja</b>													
Masih belajar/ program latihan	('000)	2,875.9	2,867.5	3,051.4	3,082.8	3,115.5	2,872.1	3,105.3	3,161.9	3,117.4	3,082.9	3,106.1	3,020.8
Kerja rumah/ keluarga	('000)	2,973.3	2,982.0	2,940.8	3,036.4	3,179.1	3,223.0	3,107.6	2,999.7	3,233.4	3,273.7	2,982.1	3,033.4
Akan melanjutkan pelajaran	('000)	181.7	72.6	38.4	97.8	159.5	178.7	148.9	72.4	110.6	159.3	257.3	219.2
Kurang upaya	('000)	296.9	385.2	308.8	306.6	283.1	216.2	169.9	189.7	134.7	125.1	185.4	220.8
Tidak berminat/ baru menghabiskan pelajaran	('000)	78.2	72.8	56.3	47.4	55.6	236.2	127.0	270.0	235.7	257.6	172.0	90.5
Berasara/ lanjut umur	('000)	682.1	708.6	670.4	592.1	557.6	598.3	659.7	622.2	593.2	531.5	658.6	705.3

Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia ST1 2022, DOSM

## Jadual A: Penawaran Buruh, Malaysia, ST2 2019 - ST1 2022

### 6. Statistik Utama Tenaga Buruh mengikut Negeri

Indikator	Unit	2019			2020				2021				2022
		ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4	ST1
<b>Malaysia</b>													
Tenaga buruh	('000)	15,598.8	15,674.3	15,766.7	15,790.1	15,675.5	15,840.6	15,922.3	16,008.4	15,972.2	16,021.0	16,135.0	16,246.1
Bekerja	('000)	15,078.2	15,162.1	15,254.5	15,243.5	14,883.7	15,095.6	15,161.6	15,236.5	15,207.3	15,274.8	15,440.7	15,574.9
Penganggur	('000)	520.6	512.1	512.2	546.6	791.8	745.0	760.7	771.8	764.9	746.2	694.4	671.2
Luar tenaga buruh	('000)	7,088.1	7,088.7	7,066.1	7,163.1	7,350.5	7,324.6	7,318.4	7,316.0	7,424.9	7,430.1	7,361.5	7,289.9
Kadar penyertaan tenaga buruh	(%)	68.8	68.9	69.1	68.8	68.1	68.4	68.5	68.6	68.3	68.3	68.7	69.0
Kadar pengangguran	(%)	3.3	3.3	3.2	3.5	5.1	4.7	4.8	4.8	4.8	4.7	4.3	4.1
<b>Johor</b>													
Tenaga buruh	('000)	1,920.9	1,714.6	1,783.5	1,771.9	1,754.1	1,858.7	1,824.4	1,793.4	1,766.4	1,807.6	1,839.5	1,839.3
Bekerja	('000)	1,869.1	1,666.2	1,736.0	1,714.4	1,673.0	1,792.2	1,752.4	1,722.6	1,698.6	1,735.2	1,774.2	1,780.7
Penganggur	('000)	51.8	48.4	47.5	57.5	81.2	66.5	72.0	70.8	67.8	72.4	65.3	58.6
Luar tenaga buruh	('000)	642.9	858.3	797.9	823.3	857.4	793.9	854.1	846.6	847.6	824.0	807.6	834.1
Kadar penyertaan tenaga buruh	(%)	74.9	66.6	69.1	68.3	67.2	70.1	68.1	67.9	67.6	68.7	69.5	68.8
Kadar pengangguran	(%)	2.7	2.8	2.7	3.2	4.6	3.6	3.9	3.9	3.8	4.0	3.6	3.2
<b>Kedah</b>													
Tenaga buruh	('000)	963.2	942.3	943.0	982.2	978.2	961.7	956.9	975.5	997.8	1,028.9	1,014.2	1,032.5
Bekerja	('000)	936.2	911.9	914.1	946.2	937.9	919.5	918.7	940.3	959.0	990.1	975.3	997.3
Penganggur	('000)	27.0	30.4	28.9	36.0	40.3	42.2	38.2	35.2	38.8	38.8	38.9	35.2
Luar tenaga buruh	('000)	542.6	567.6	568.4	540.5	550.4	575.0	584.3	569.1	555.4	528.9	548.5	536.7
Kadar penyertaan tenaga buruh	(%)	64.0	62.4	62.4	64.5	64.0	62.6	62.1	63.2	64.2	66.1	64.9	65.8
Kadar pengangguran	(%)	2.8	3.2	3.1	3.7	4.1	4.4	4.0	3.6	3.9	3.8	3.8	3.4
<b>Kelantan</b>													
Tenaga buruh	('000)	696.2	716.9	738.6	732.4	723.6	715.8	703.9	698.3	721.9	747.6	773.5	787.9
Bekerja	('000)	661.9	680.6	701.2	702.0	692.9	683.2	675.3	667.8	687.4	709.7	737.2	757.3
Penganggur	('000)	34.3	36.3	37.4	30.4	30.7	32.7	28.6	30.5	34.5	37.9	36.2	30.6
Luar tenaga buruh	('000)	510.7	498.9	488.0	495.0	509.7	525.8	544.8	562.0	542.4	522.4	500.8	493.2
Kadar penyertaan tenaga buruh	(%)	57.7	59.0	60.2	59.7	58.7	57.7	56.4	55.4	57.1	58.9	60.7	61.5
Kadar pengangguran	(%)	4.9	5.1	5.1	4.2	4.2	4.6	4.1	4.4	4.8	5.1	4.7	3.9
<b>Melaka</b>													
Tenaga buruh	('000)	452.6	433.0	435.9	444.4	439.6	426.1	432.6	436.4	433.4	454.3	461.2	453.1
Bekerja	('000)	446.9	426.2	428.7	438.9	430.0	415.5	416.5	420.8	417.6	440.5	447.0	439.5
Penganggur	('000)	5.7	6.8	7.1	5.5	9.7	10.6	16.1	15.7	15.7	13.8	14.2	13.6
Luar tenaga buruh	('000)	190.6	211.0	208.8	202.4	210.5	220.7	224.5	217.7	220.3	212.0	203.5	210.6
Kadar penyertaan tenaga buruh	(%)	70.4	67.2	67.6	68.7	67.6	65.9	65.8	66.7	66.3	68.2	69.4	68.3
Kadar pengangguran	(%)	1.3	1.6	1.6	1.2	2.2	2.5	3.7	3.6	3.6	3.0	3.1	3.0
<b>Negeri Sembilan</b>													
Tenaga buruh	('000)	508.4	498.4	513.8	507.8	502.5	500.0	491.2	498.1	505.6	512.0	509.8	510.0
Bekerja	('000)	495.8	487.7	500.5	491.0	484.3	481.5	470.4	479.5	488.1	493.2	494.0	493.3
Penganggur	('000)	12.6	10.7	13.2	16.8	18.2	18.5	20.8	18.7	17.5	18.8	15.7	16.7
Luar tenaga buruh	('000)	263.7	276.6	263.3	269.9	273.3	279.8	287.8	282.3	268.4	276.6	274.8	273.7
Kadar penyertaan tenaga buruh	(%)	65.8	64.3	66.1	65.3	64.8	64.1	63.1	63.8	65.3	64.9	65.0	65.1
Kadar pengangguran	(%)	2.5	2.1	2.6	3.3	3.6	3.7	4.2	3.7	3.5	3.7	3.1	3.3

Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia ST1 2022, DOSM

## Jadual A: Penawaran Buruh, Malaysia, ST2 2019 - ST1 2022

### 6. Statistik Utama Tenaga Buruh mengikut Negeri (samb.)

Indikator	Unit	2019			2020				2021				2022
		ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4	ST1
<b>Pahang</b>													
Tenaga buruh	('000)	738.4	742.8	759.1	756.8	750.6	760.9	718.6	733.6	733.4	751.8	735.8	750.7
Bekerja	('000)	712.8	724.5	742.8	733.7	727.2	739.4	694.9	706.9	707.3	723.6	711.6	732.4
Penganggur	('000)	25.6	18.3	16.3	23.1	23.4	21.5	23.6	26.7	26.1 (r)	28.2	24.2	18.4
Luar tenaga buruh	('000)	383.7	375.7	360.8	370.7	379.6	371.6	418.0	407.9	397.5	396.8	412.1	397.2
Kadar penyertaan tenaga buruh	(%)	65.8	66.4	67.8	67.1	66.4	67.2	63.2	64.3	64.9	65.5	64.1	65.4
Kadar pengangguran	(%)	3.5	2.5	2.2	3.0	3.1	2.8	3.3	3.6	3.6	3.8	3.3	2.4
<b>Pulau Pinang</b>													
Tenaga buruh	('000)	867.7	857.7	854.0	868.8	859.9	860.9	915.4	908.5	951.1	915.6	937.9	924.7
Bekerja	('000)	851.3	841.7	835.0	850.7	822.7	826.0	881.9	876.4	913.9	881.5	908.1	894.6
Penganggur	('000)	16.4	16.0	19.0	18.0	37.2	34.8	33.6	32.1	37.2	34.0	29.9	30.1
Luar tenaga buruh	('000)	398.5	413.4	419.5	408.3	419.6	430.2	372.1	375.8	342.9	379.1	363.0	375.9
Kadar penyertaan tenaga buruh	(%)	68.5	67.5	67.1	68.0	67.2	66.7	71.1	70.7	73.5	70.7	72.1	71.1
Kadar pengangguran	(%)	1.9	1.9	2.2	2.1	4.3	4.0	3.7	3.5	3.9	3.7	3.2	3.3
<b>Perak</b>													
Tenaga buruh	('000)	1,065.8	1,095.7	1,103.1	1,110.0	1,094.2	1,115.4	1,088.8	1,088.4	1,124.8	1,113.7	1,110.7	1,128.3
Bekerja	('000)	1,016.2	1,051.8	1,052.1	1,063.7	1,034.8	1,062.3	1,035.8	1,038.9	1,075.2	1,060.7	1,062.8	1,085.6
Penganggur	('000)	49.6	43.9	51.0	46.2	59.4	53.1	52.9	49.5	49.7	52.9	47.9	42.7
Luar tenaga buruh	('000)	631.8	603.5	595.2	607.9	609.3	598.5	623.9	625.2	585.6	595.8	611.3	591.7
Kadar penyertaan tenaga buruh	(%)	62.8	64.5	65.0	64.6	64.2	65.1	63.6	63.5	65.8	65.1	64.5	65.6
Kadar pengangguran	(%)	4.7	4.0	4.6	4.2	5.4	4.8	4.9	4.6	4.4	4.8	4.3	3.8
<b>Perlis</b>													
Tenaga buruh	('000)	114.8	111.0	114.7	116.3	114.8	104.2	111.7	110.8	117.4	113.0	116.1	115.3
Bekerja	('000)	110.5	106.9	112.4	112.0	110.0	99.3	106.0	105.0	111.2	107.5	111.2	111.4
Penganggur	('000)	4.3	4.1	2.3	4.2	4.8	4.9	5.7	5.8	6.2	5.5	4.9	3.9
Luar tenaga buruh	('000)	58.8	63.5	60.5	57.4	59.4	71.6	65.7	66.3	62.3	64.2	63.9	62.9
Kadar penyertaan tenaga buruh	(%)	66.1	63.6	65.5	67.0	65.9	59.3	63.0	62.6	65.3	63.8	64.5	64.7
Kadar pengangguran	(%)	3.8	3.7	2.0	3.6	4.2	4.7	5.1	5.3	5.3	4.9	4.2	3.4
<b>Selangor</b>													
Tenaga buruh	('000)	3,494.2	3,728.3	3,648.3	3,523.9	3,529.0	3,689.6	3,881.9	3,881.8	3,715.6	3,715.9	3,658.6	3,715.6
Bekerja	('000)	3,407.6	3,651.4	3,559.9	3,443.8	3,367.7	3,511.9	3,707.0	3,708.5	3,550.5	3,583.9	3,553.3	3,597.5
Penganggur	('000)	86.6	76.9	88.3	80.1	161.3	177.7	174.9	173.2	165.0	132.0	105.3	118.1
Luar tenaga buruh	('000)	1,227.6	1,012.8	1,119.8	1,264.1	1,281.8	1,149.7	984.4	1,047.4	1,244.8	1,261.5	1,279.7	1,231.9
Kadar penyertaan tenaga buruh	(%)	74.0	78.6	76.5	73.6	73.4	76.2	79.8	78.8	74.9	74.7	74.1	75.1
Kadar pengangguran	(%)	2.5	2.1	2.4	2.3	4.6	4.8	4.5	4.5	4.4	3.6	2.9	3.2
<b>Terengganu</b>													
Tenaga buruh	('000)	485.1	496.8	495.0	503.8	488.3	458.5	485.4	492.4	480.5	472.7	484.6	498.8
Bekerja	('000)	465.9	481.0	478.7	487.1	469.8	440.7	466.2	474.2	460.5	451.8	464.7	476.3
Penganggur	('000)	19.2	15.7	16.2	16.7	18.5	17.8	19.2	18.3	20.0	20.9	19.9	22.6
Luar tenaga buruh	('000)	312.0	305.9	312.5	309.3	328.3	362.3	337.3	335.8	359.8	362.7	358.2	348.1
Kadar penyertaan tenaga buruh	(%)	60.9	61.9	61.3	62.0	59.8	55.9	59.0	59.5	57.2	56.6	57.5	58.9
Kadar pengangguran	(%)	4.0	3.2	3.3	3.3	3.8	3.9	4.0	3.7	4.2	4.4	4.1	4.5

Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia ST1 2022, DOSM

## Jadual A: Penawaran Buruh, Malaysia, ST2 2019 - ST1 2022

### 6. Statistik Utama Tenaga Buruh mengikut Negeri (samb.)

Indikator	Unit	2019			2020				2021				2022
		ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4	ST1
<b>Sabah</b>													
Tenaga buruh	('000)	2,004.6	2,046.8	2,114.1	2,133.9	2,132.3	2,052.7	1,984.6	2,019.6	2,004.4	1,982.1	2,045.9	2,059.5
Bekerja	('000)	1,882.4	1,910.2	1,999.8	1,990.9	1,938.1	1,876.9	1,817.8	1,839.4	1,829.3	1,803.5	1,861.7	1,871.1
Penganggur	('000)	122.2	136.5	114.3	143.0	194.2	175.8	166.7	180.2	175.1	178.6	184.2	188.3
Luar tenaga buruh	('000)	887.3	857.3	806.2	799.8	816.2	911.9	995.2	971.8	999.9	1,027.8	985.1	983.5
Kadar penyertaan tenaga buruh	(%)	69.3	70.5	72.4	72.7	72.3	69.2	66.6	67.5	66.7	65.9	67.5	67.7
Kadar pengangguran	(%)	6.1	6.7	5.4	6.7	9.1	8.6	8.4	8.9	8.7	9.0	9.0	9.1
<b>Sarawak</b>													
Tenaga buruh	('000)	1,327.5	1,317.7	1,351.3	1,353.8	1,342.2	1,358.3	1,353.7	1,365.7	1,418.8	1,419.1	1,441.7	1,440.8
Bekerja	('000)	1,292.7	1,273.1	1,303.1	1,309.1	1,266.2	1,305.6	1,293.4	1,301.5	1,356.1	1,354.3	1,384.1	1,395.0
Penganggur	('000)	34.8	44.6	48.3	44.7	76.0	52.8	60.3	64.2	62.6	64.7	57.6	45.7
Luar tenaga buruh	('000)	641.4	660.0	632.5	633.9	668.3	657.3	662.5	657.9	625.2	615.7	603.3	602.9
Kadar penyertaan tenaga buruh	(%)	67.4	66.6	68.1	68.1	66.8	67.4	67.1	67.5	69.4	69.7	70.5	70.5
Kadar pengangguran	(%)	2.6	3.4	3.6	3.3	5.7	3.9	4.5	4.7	4.4	4.6	4.0	3.2
<b>W.P Kuala Lumpur</b>													
Tenaga buruh	('000)	876.2	893.4	834.1	900.3	884.0	892.4	892.0	919.6	918.6	900.7	918.2	902.4
Bekerja	('000)	848.2	871.4	813.6	877.2	850.7	859.5	848.7	874.1	875.0	857.5	872.6	859.5
Penganggur	('000)	28.0	22.0	20.5	23.1	33.2	32.8	43.3	45.5	43.6	43.2	45.6	42.9
Luar tenaga buruh	('000)	359.0	341.7	390.3	341.8	346.0	336.8	323.3	310.0	332.2	322.6	311.0	308.2
Kadar penyertaan tenaga buruh	(%)	70.9	72.3	68.1	72.5	71.9	72.6	73.4	74.8	73.4	73.6	74.7	74.5
Kadar pengangguran	(%)	3.2	2.5	2.5	2.6	3.8	3.7	4.9	4.9	4.7	4.8	5.0	4.8
<b>W.P Labuan</b>													
Tenaga buruh	('000)	45.5	42.4	41.1	45.5	45.5	47.8	47.0	50.0	48.7	51.2	51.1	50.5
Bekerja	('000)	43.4	41.2	39.4	44.4	42.7	45.1	43.2	45.5	44.4	47.0	47.2	47.0
Penganggur	('000)	2.1	1.1	1.7	1.1	2.9	2.7	3.9	4.5	4.3	4.2	3.9	3.5
Luar tenaga buruh	('000)	23.9	27.8	28.1	26.1	26.6	26.2	24.3	24.6	25.2	25.1	24.0	24.0
Kadar penyertaan tenaga buruh	(%)	65.6	60.4	59.4	63.6	63.1	64.6	65.9	67.0	65.9	67.1	68.1	67.8
Kadar pengangguran	(%)	4.6	2.6	4.2	2.5	6.4	5.7	8.2	9.0	8.8	8.2	7.6	6.9
<b>W.P Putrajaya</b>													
